In view of the economic downturn, it was also timely that the Secretary General of the Ministry of Works launched the Group's Frequent Travellers Programme (FTP) in May 2009. The aim of the FTP is to ease the burden of LDP users who incur more than RM200 in ETC transactions in a month travelling on LDP whereby a free 20% top-up value will be given to the users.

During the year, 4 more students were awarded scholarships to pursue their tertiary education at local universities. The Group has also continued to organize various charitable events for the less fortunate during Hari Raya Aidil Fitri, Deepavali, Chinese New Year and Hari Raya Qurban.

Celebrating Deepavali with children from Rumah Agathian, Petaling Jaya.



- 1) Ceramah keselamatan jalan raya di sekolah terpilih dan kilang besar di sepanjang jajaran LDP;
- 2) "Kempen Advokasi" dengan Jabatan Keselamatan Jalan Raya untuk menggalakkan penggunaan tali pinggang keledar bagi penumpang kereta di belakang dan juga penggunaan topi keledar dengan cara yang betul bagi penunggang motosikal;
- 3) Pengedaran percuma buletin bulanan kami "Hi-way Zone" di plaza-plaza tol;
- 4) Kempen "Balik Kampung" yang menggalakkan pemanduan selamat dengan kerjasama Polis.

Memandangkan kemerosotan ekonomi, pelancaran program Kumpulan, iaitu Program Pengguna Kerap (FTP), oleh Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya pada bulan Mei 2009 memang tepat pada masanya. Tujuan FTP adalah untuk meringankan beban para pengguna LDP yang berbelanja lebih daripada RM200 sebulan untuk transaksi ETC dengan mendapat tambahan nilai percuma sebanyak 20%.

Pada tahun tersebut, empat lagi pelajar telah menerima biasiswa untuk melanjutkan pelajaran di universiti tempatan. Kumpulan juga menganjurkan pelbagai aktiviti amal untuk mereka yang kurang bernasib baik pada Hari Raya Aidil Fitri, Deepavali, Tahun Baru Cina dan Hari Raya Qurban.

DIVIDEND

The Board of Directors has declared a single tier interim dividend of 5 sen which was paid to shareholders on 25 September 2008 and a further single tier interim dividend of 20 sen approved by the Board of Directors that was paid on 24 March 2009. The total single tier dividend paid for the year ended 31 March 2009 amounted to 25 sen. For the previous financial year, the Company paid an interim dividend of 5 sen less income tax on 12 December 2007 plus a single tier interim dividend of 7 sen on 7 July 2008.

FUTURE PROSPECTS

The average weekday tollable traffic on LDP is currently in the region of 461,000 vehicles which represents an increase of 2.9% when compared to average weekday tollable traffic of 448,000 vehicles a year ago. The traffic growth was however suppressed as a result of the hefty 40.6% increase in pump petrol price in June 2008.

The current recession in Malaysia does not appear to have any significant impact on the road usage at LDP and hence we can expect to see tollable traffic to continue to increase as the residential and commercial developments along the LDP alignment continue to expand.

Relieving traffic congestion remains the top priority for the Group and the Board of Directors and the Management are continuously exploring new mitigation measures.

DIVIDEN

Lembaga Pengarah telah mengisytiharkan satu dividen interim satu peringkat sebanyak 5 sen yang telah dibayar kepada pemegang-pemegang saham pada 25 September 2008 dan satu lagi dividen interim satu peringkat sebanyak 20 sen yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan dibayar pada 24 Mac 2009. Jumlah dividen satu peringkat yang telah dibayar bagi tahun berakhir 31 Mac 2009 adalah 25 sen. Pada tahun kewangan sebelumnya, Syarikat telah membayar satu dividen interim 5 sen ditolak cukai pendapatan pada 12 Disember 2007 bersama dengan satu dividen interim satu peringkat sebanyak 7 sen pada 7 Julai 2008.

PROSPEK MASA HADAPAN

Purata trafik bertol harian dari hari Isnin hingga Jumaat di LDP buat masa ini adalah dalam lingkungan 461,000 kenderaan yang merupakan pertambahan sebanyak 2.9% berbanding dengan purata trafik bertol harian dari hari Isnin hingga Jumaat sebanyak 448,000 kenderaan setahun lalu. Pertumbuhan trafik bagaimanapun tersekat oleh kenaikan tinggi harga petrol sebanyak 40.6% pada Jun 2008.

Kemelesetan di Malaysia buat masa ini nampaknya tidak memberi impak ketara kepada penggunaan jalan di LDP dan dengan itu kami menjangka trafik bertol akan terus meningkat dengan pembangunan perumahan dan komersial di sepanjang jajaran LDP terus berkembang.

Mengurangkan kesesakan trafik merupakan perkara paling utama bagi Kumpulan dan Lembaga Pengarah dan pihak Pengurusan sentiasa mencari langkah-langkah terkini untuk mengatasinya.



LITRAK and SPRINT launched Palestine Fund in collaboration with Malaysian Highway Authority.

Chairman's Statement

Penyata Pengerusi

Road Safety talk at Western Digital.



SPRINT participated in Sekolah Kebangsaan Bukit Lanjan's Annual Sports Day.



ACKNOWLEDGEMENT AND APPRECIATION

On behalf of the Board of Directors, I would like to take this opportunity to express our gratitude to our valued customers, relevant government agencies, bankers, shareholders and business associates for their continuous support and guidance in these difficult times.

Last but not least, I would like to record my sincere appreciation to the Management and staff of the Group for their continuous loyalty, commitment and dedication and look forward to continue working as an effective and efficient team and to strive harder in our quest to be the leading highway service provider.

TAN SRI DATO' IR (DR) WAN ABDUL RAHMAN BIN HAJI WAN YAACOB
CHAIRMAN

PENGHARGAAN

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyatakan penghargaan kami kepada para pelanggan yang kami hargai, agensi-agensi kerajaan yang berkaitan, bank-bank, pemegang-pemegang saham dan rakan-rakan niaga atas bimbingan dan sokongan yang berterusan mereka di masa yang mencabar kini.

Akhir sekali, saya ingin merakamkan rasa penghargaan saya kepada pihak Pengurusan dan kakitangan Kumpulan di atas kesetiaan yang berterusan, komitmen dan dedikasi mereka dan saya berharap kita akan terus dapat bekerja sebagai satu pasukan yang efektif dan efisien serta berusaha lebih gigih lagi untuk menjadi pembekal perkhidmatan lebuhraya yang terunggul.

TAN SRI DATO' IR (DR) WAN ABDUL RAHMAN BIN HAJI WAN YAACOB
PENGERUSI

Students from Sekolah Kebangsaan Sungai Penchala, Kuala Lumpur, visiting Traffic Control Surveillance System Control Centre.



LITRAK participated in the Family Day Celebration with Orang Asli of Kampung Sungai Rasau, Puchong.



Corporate Governance Statement

Penyata Tadbir Urus Korporat

The Board is committed to continuously upholding the highest standards of corporate governance practices in LITRAK Group to safeguard the interest of all stakeholders and at the same time enhancing the financial performance of the Group and hence, shareholders' value.

The Board is pleased to report to the Company's shareholders the Group's application and compliance with the principles and best practices of the Malaysian Code on Corporate Governance (the "Code").

BOARD OF DIRECTORS

The Board

The Board has the overall responsibility for good corporate governance, strategic direction and investments of the Group. It plays a primary role in the conduct and control of the Group's affairs.

Board Balance

The Board, led by an Independent Non-Executive Chairman, Tan Sri Dato' Ir (Dr) Wan Abdul Rahman bin Haji Wan Yaacob, comprises eight members of which three are Independent Non-Executive Directors, four Non-Independent Non-Executive Directors and one Non-Independent Executive Director. The Directors together have a wide range of experience and expertise in areas of engineering, finance, investments, commercial affairs, corporate affairs, Government's requirements and operations. With this mix of skills, experience, background and specialization, all matters tabled to the Board for consideration are well reviewed and deliberated.

The effectiveness of the Board is further enhanced with the Independent Directors participating actively in the Board's discussions and review of matters tabled to the Board for consideration. They provide unbiased and independent view, advice and judgement in the decision making process of the Board and thus help to ensure that the interests of the shareholders and stakeholders of the Company are safeguarded. The profiles of the Directors are presented on pages 3 to 9 of the Annual Report.

The Board is of the opinion that the current Board composition with more than one-third of its members being Independent Non-Executive Directors having a diverse background is sufficient to fairly safeguard the investments of the minority shareholders and to protect the interests of all stakeholders.

The roles of the Chairman and the Executive Director are distinct and separate. In addition to ensuring the Board's effectiveness in discharging its duties,

Lembaga Pengarah komited untuk terus mendokong piawaian tertinggi amalan tadbir urus korporat dalam Kumpulan LITRAK bagi melindungi kepentingan semua pemegang kepentingan dan pada masa yang sama, mempertingkatkan prestasi kewangan Kumpulan, justeru meninggikan nilai pemegang saham.

Lembaga Pengarah dengan sukacita melaporkan kepada para pemegang saham Syarikat berhubung penggunaan dan pematuhan Kumpulan dengan prinsip dan amalan terbaik Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia ("Kod").

LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah mempunyai tanggungjawab menyeluruh terhadap tadbir urus korporat yang baik, hala tuju strategik dan pelaburan Kumpulan. Ia memainkan peranan utama dalam melaksana dan mengawal hal ehwal Kumpulan.

Keseimbangan Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah yang diketuai oleh seorang Pengerusi Bukan Eksekutif Bebas, Tan Sri Dato' Ir (Dr) Wan Abdul Rahman bin Haji Wan Yaacob, terdiri daripada lapan orang ahli yang mana tiga orang daripada mereka adalah Pengarah Bukan Eksekutif Bebas, empat orang Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas dan seorang Pengarah Eksekutif Bukan Bebas. Gabungan para Pengarah tersebut mempunyai pelbagai pengalaman dan kepakaran yang luas dalam bidang kejuruteraan, kewangan, pelaburan, hal ehwal komersial, korporat, keperluan Kerajaan dan operasi. Dengan gabungan kemahiran, pengalaman, latar belakang dan pengkhususan ini, semua perkara yang dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk dipertimbangkan adalah dikaji dan diperbincangkan dengan mendalam.

Keberkesanan Lembaga Pengarah diperkukuhkan lagi dengan peranan aktif yang dimainkan oleh para Pengarah Bebas dalam perbincangan dan kajian Lembaga Pengarah berhubung perkara yang dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk dipertimbangkan. Mereka memberi pandangan, nasihat dan pertimbangan yang tidak berat sebelah dan bebas dalam proses membuat keputusan Lembaga Pengarah dan oleh yang demikian, membantu memastikan supaya kepentingan pemegang saham dan pemegang kepentingan Syarikat dilindungi. Profil para Pengarah tersebut dibentangkan di muka surat 3 hingga 9 dalam Laporan Tahunan ini.

Lembaga Pengarah berpendapat bahawa komposisi Lembaga Pengarah pada masa ini dengan lebih satu pertiga daripada ahlinya terdiri daripada Pengarah Bukan Eksekutif Bebas dari pelbagai latar belakang, adalah mencukupi untuk melindungi dengan saksama pelaburan saham minoriti dan kepentingan semua pemegang kepentingan.

Peranan Pengerusi dan Pengarah Eksekutif adalah berbeza dan berasingan. Selain daripada memastikan keberkesanan Lembaga Pengarah dalam menjalankan tugas, tanggungjawab dan tatalakunya, Pengerusi turut

responsibilities and conduct, the Chairman provides the overall leadership in deliberation and decision making at Board Meetings without limiting the collective responsibility of the Board. The Chairman also avails himself to provide clarification on issues raised by shareholders and investors at the Company's general meetings. On the other hand, the Executive Director, Ir Haji Yusoff bin Daud, oversees the management and day to day operations of the Group in line with the policies and procedures adopted by the Board.

Tan Sri Dato' Nasruddin bin Bahari, being the Senior Independent Non-Executive Director, is the channel for conveyance of matters of concern regarding the Company and the Group to the Board.

Board Meeting and Supply of Information to the Board

The Board met four times during the financial year. The agendas for Board Meetings together with the detailed management reports and proposition papers together with the relevant supporting documents to be tabled at the meetings were circulated in advance to all Directors for their perusal and consideration to enable them to make well-informed decisions.

Besides the Group's quarterly financial results, financial performance and management reports on the progress of business operations (including that of its joint venture company, Sistem Penyuraian Trafik KL Barat Holdings Sdn Bhd), other matters tabled to the Board for review are updates on risk management and matters specifically reserved to it for decision including the approval of annual budget and business plan, acquisition and disposal of undertakings and properties of substantial value, major investments and financial decisions, related party transactions and changes to key policies and procedures, matters beyond the authority limits of the Management and Board Committees and changes to such authority limits.

All rationales of proposals, issues discussed and decisions made at Board of Directors' Meetings and Board Committees' meetings were properly recorded to provide a historical record and insight into those decisions. The minutes of various Board Committees and resolutions of the various subsidiaries were also tabled to the Board for their information.

Senior management staff as well as advisers were invited to attend Board Meetings to enlighten the Board on matters tabled to the Board and if required, to advise and provide clarification on matters of concern raised by the Board.

In addition to the Audit Committee, Nomination Committee and Remuneration Committee recommended

memberi kepimpinan menyeluruh dalam perbincangan dan proses membuat keputusan semasa Mesyuarat Lembaga Pengarah, tanpa menghadkan tanggungjawab kolektif Lembaga Pengarah. Pengerusi juga bersedia untuk memberi penjelasan berhubung isu-isu yang dibangkitkan oleh pemegang saham dan pelabur semasa mesyuarat-mesyuarat agung Syarikat. Pengarah Eksekutif, Ir Haji Yusoff bin Daud pula mengawal selia pengurusan dan operasi harian Kumpulan, sejajar dengan dasar dan prosedur yang diterimapakai oleh Lembaga Pengarah.

Tan Sri Dato' Nasruddin bin Bahari yang merupakan Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Kanan adalah saluran untuk menyampaikan sebarang kemusykilan berhubung Syarikat dan Kumpulan kepada Lembaga Pengarah.

Mesyuarat Lembaga Pengarah dan Bekalan Maklumat kepada Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah bermesyuarat empat kali pada tahun kewangan ini. Agenda bagi Mesyuarat Lembaga Pengarah bersama-sama dengan laporan pengurusan dan kertas cadangan terperinci serta dokumen sokongan berkaitan untuk dibentangkan semasa mesyuarat, diedarkan secara awal kepada semua Pengarah untuk penelitian dan pertimbangan mereka bagi membolehkan mereka membuat keputusan yang termaklum.

Selain daripada keputusan kewangan suku tahunan Kumpulan, prestasi kewangan dan laporan pengurusan berhubung kemajuan operasi perniagaan (termasuk syarikat usahasanya, Sistem Penyuraian Trafik KL Barat Holdings Sdn Bhd), hal-hal lain yang dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk dikaji adalah kemaskini berhubung perkembangan pengurusan risiko dan hal-hal yang dikhususkan untuk keputusan Lembaga Pengarah yang mana meliputi kelulusan belanjawan dan perancangan perniagaan tahunan, pengambilalihan dan penjualan usahaniaga dan hartanah yang mempunyai nilai besar, keputusan pelaburan dan kewangan utama, urusanniaga pihak berkaitan dan perubahan terhadap dasar dan prosedur utama, perkara-perkara di luar had kuasa Pengurusan dan Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah serta perubahan had-had kuasa tersebut.

Semua rasional cadangan, isu-isu yang dibincangkan dan keputusan yang dibuat di Mesyuarat-mesyuarat Lembaga Pengarah dan mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Lembaga Pengarah telah dicatat dengan sewajarnya untuk menyediakan rekod sejarah dan pemahaman terhadap keputusan tersebut. Minit mesyuarat pelbagai Jawatankuasa Lembaga Pengarah serta resolusi pelbagai syarikat subsidiarinya turut dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk makluman mereka.

Kakitangan pengurusan kanan serta para penasihat dijemput untuk menghadiri Mesyuarat Lembaga Pengarah bagi menerangkan kepada Lembaga Pengarah berhubung perkara-perkara yang dikemukakan kepada Lembaga Pengarah dan jika perlu, menasihati dan menyediakan penjelasan berhubung kemusykilan yang dibangkitkan oleh Lembaga Pengarah.

Corporate Governance Statement

Penyata Tadbir Urus Korporat

by the Malaysian Code on Corporate Governance, other Board Committees set up to assist the Board in the execution of its duties more effectively and efficiently are the Executive Committee, Investment Committee and ESOS Committee. All Board Committees discharged their duties within their terms of reference and make recommendation to the Board if matters are beyond their authority limit.

The Directors are given access to any information within the Group and are free to seek professional opinion and advice at the Company's expense, if necessary, to enable them to discharge their duties. The Directors have direct access and service of the Company Secretaries and senior management staff.

A copy of the Directors' Manual is given to all Directors to guide them in discharging their duties and responsibilities. The manual highlights amongst others, the major duties and responsibilities of Directors, terms of reference of Board Committees, policies and procedures of the Group, principles and best practices of corporate governance, statutory and regulatory requirements. The Directors are updated by the Company Secretaries from time to time on new statutory and regulatory requirements relating to the duties and responsibilities of the Directors.

The attendances of the Directors at Board Meetings during the financial year ended 31 March 2009 are as shown below:

Board of Directors Lembaga Pengarah

Tan Sri Dato' Ir (Dr) Wan Abdul Rahman bin Haji Wan Yaacob
Ir Haji Yusoff bin Daud
Dato' Lin Yun Ling
Tan Sri Dato' Nasruddin bin Bahari
Dato' Ir Chew Swee Hock
Dato' Ir Haji Azmi bin Mat Nor
Mr Ng Kee Leen
Mr Saw Wah Theng

No. of Meetings Attended Bil. Mesyuarat yang Dihadiri

4/4
4/4
3/4
4/4
4/4
3/4
3/4
4/4

Directors' Training

All Directors have attended at least one of the following trainings organized by the Company during the financial year ended 31 March 2009:

1. Key Continuing Obligation Requirements For Companies Listed on Bursa Malaysia;
2. Executing Overseas Investment Strategies.

The Directors are encouraged to attend seminars, training programmes and conferences in areas concerning Directors' duties and responsibilities, corporate governance and also to keep abreast with developments in the market place.

Selain daripada Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Pencilonan dan Jawatankuasa Imbuhan yang disyorkan oleh Kod, Jawatankuasa Lembaga Pengarah lain yang turut dibentuk untuk membantu Lembaga Pengarah melaksanakan tugasnya dengan lebih berkesan dan cekap adalah Jawatankuasa Eksekutif, Jawatankuasa Pelaburan dan Jawatankuasa ESOS. Semua Jawatankuasa Lembaga Pengarah menjalankan tugas mereka dalam terma rujukan mereka dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah berhubung perkara di luar had kuasa mereka.

Para Pengarah diberi akses kepada sebarang maklumat dalam Kumpulan dan bebas untuk mendapatkan pandangan dan nasihat profesional dengan kos ditanggung oleh Syarikat, jika perlu, untuk membolehkan mereka menjalankan tugas. Pengarah mempunyai akses dan khidmat langsung Setiausaha-setiausaha Syarikat dan kakitangan pengurusan kanan.

Satu salinan Manual Pengarah diberi kepada semua Pengarah untuk memberi panduan kepada mereka dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab. Manual ini menyetengahkan antara lain, tugas dan tanggungjawab utama Pengarah, terma rujukan Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah, dasar dan prosedur Kumpulan, prinsip dan amalan terbaik tadbir urus korporat, keperluan berkanun serta peraturan. Para Pengarah dimaklumkan oleh Setiausaha-setiausaha Syarikat dari semasa ke semasa berhubung keperluan berkanun dan peraturan baru berkaitan tugas dan tanggungjawab mereka.

Kehadiran Pengarah di Mesyuarat-mesyuarat Lembaga Pengarah pada tahun kewangan berakhir 31 Mac 2009 adalah seperti yang ditunjukkan di bawah:

Latihan Pengarah

Semua Pengarah telah menghadiri sekurang-kurangnya satu daripada program latihan berikut yang dianjurkan oleh Syarikat pada tahun kewangan berakhir 31 Mac 2009:

1. Keperluan Penting Obligasi Berterusan Untuk Syarikat-syarikat Tersenarai di Bursa Malaysia;
2. Strategi Perlaksanaan Pelaburan Asing.

Para Pengarah digalakkan menghadiri seminar, program latihan dan persidangan dalam bidang yang berkaitan dengan tugas dan tanggungjawab mereka, tadbir urus korporat serta untuk mendapat maklumat perkembangan terkini dalam pasaran.

Re-election of Directors

In accordance with the Company's Articles of Association, at least one-third of the Directors longest in office shall retire from office at every Annual General Meeting. Accordingly, all Directors shall retire at least once every three years but shall be eligible for re-election. Any Director appointed by the Board during the year to fill a casual vacancy or as an addition shall hold office only until the next Annual General Meeting but shall be eligible for re-election.

Any Director aged 70 or above is subject to re-appointment by shareholders on an annual basis pursuant to the Companies Act, 1965. The Board is satisfied that the Directors, who are required to stand for re-election and re-appointment respectively at the Annual General Meeting, continue to demonstrate the necessary commitment to be fully effective members of the Board.

Remuneration Committee and Directors' Remuneration

The Remuneration Committee comprises exclusively of Non-Executive Directors, majority of whom are independent. The Committee's composition is as follows:

1. Tan Sri Dato' Ir (Dr) Wan Abdul Rahman bin Haji Wan Yaacob (Chairman / Pengerusi)
Independent Non-Executive Director / Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
2. Tan Sri Dato' Nasruddin bin Bahari
Independent Non-Executive Director / Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
3. Dato' Lin Yun Ling
Non-Independent Non-Executive Director / Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas

The Remuneration Committee is primarily responsible in setting up the policy framework on all elements of remuneration such as reward structure, fringe benefits and other terms of employment of the Executive Director and senior management and make recommendation to the Board on the same with the aim to attract, retain and motivate individuals of the highest quality. The Executive Director shall abstain from deliberation and voting on decisions in respect of his remuneration package. The remuneration package for the Board of Directors is reviewed annually by the Committee.

The remuneration and entitlements of the Non-Executive Directors are decided by the Board as a whole with the Director concerned abstaining from deliberations and voting on decisions in respect of his remuneration.

Pemilihan Semula Pengarah

Selaras dengan Artikel Pertubuhan Syarikat, sekurang-kurangnya satu pertiga daripada Pengarah yang paling lama memegang jawatan hendaklah bersara pada setiap Mesyuarat Agung Tahunan. Sehubungan itu, semua Pengarah hendaklah bersara sekurang-kurangnya sekali setiap tiga tahun tetapi adalah layak untuk pemilihan semula. Mana-mana Pengarah yang dilantik oleh Lembaga Pengarah pada tahun tersebut untuk mengisi kekosongan biasa atau tambahan, hanya akan memegang jawatan sehingga Mesyuarat Agung Tahunan berikutnya tetapi adalah layak untuk pemilihan semula.

Mana-mana Pengarah yang berusia 70 tahun atau lebih tertakluk kepada pelantikan semula oleh para pemegang saham pada setiap tahun menurut Akta Syarikat, 1965. Lembaga berpuashati bahawa para Pengarah yang dikehendaki menawarkan diri untuk pemilihan semula dan pelantikan semula pada Mesyuarat Agung Tahunan, terus menampilkan komitmen yang diperlukan untuk memainkan peranan sebagai ahli Lembaga yang berkesan.

Jawatankuasa Imbuan dan Imbuan Pengarah

Jawatankuasa Imbuan terdiri secara eksklusifnya daripada Pengarah Bukan Eksekutif yang mana majoriti daripada mereka adalah bebas. Komposisi Jawatankuasa tersebut adalah seperti berikut:

Jawatankuasa Imbuan bertanggungjawab terutamanya dalam menetapkan rangka kerja dasar berhubung semua unsur imbuan seperti struktur ganjaran, manfaat kecil dan syarat pekerjaan lain bagi Pengarah Eksekutif dan pengurusan kanan serta mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah berhubung perkara-perkara tersebut dengan tujuan untuk menarik, mengekal dan memotivasi individu yang mempunyai kualiti tertinggi. Pengarah Eksekutif akan mengecualikan diri daripada perbincangan dan pengundian berhubung keputusan pakej imbuan beliau. Pakej imbuan Lembaga Pengarah dikaji setiap tahun oleh Jawatankuasa.

Imbuan dan hak Pengarah Bukan Eksekutif ditentukan oleh Lembaga Pengarah secara keseluruhan dengan Pengarah yang berkaitan terkecuali daripada perbincangan dan pengundian berhubung keputusan imbuan beliau.

The Remuneration Committee met once during the year to review the remuneration package for the Board of Directors and made recommendation to the Board for approval to ensure that they are rewarded appropriately in tandem with their performance and contribution to the Group's growth and profitability. The Committee in making its recommendation was guided by a comparative remuneration market survey information in respect of remuneration package for directors of other public listed companies conducted by PricewaterhouseCoopers on companies listed on the Main Board of Bursa Malaysia Securities Berhad (Bursa Malaysia).

In carrying out its duties and responsibilities, the Remuneration Committee have full, free and unrestricted access to any information, record, properties and personnel of the Company and the Group. The Remuneration Committee may obtain the advice of external consultants on the appropriateness of remuneration package and other employment conditions if required.

Nomination Committee and Appointments to the Board

The Nomination Committee comprises exclusively of Non-Executive Directors, majority of whom are independent. The Committee's composition is as follows:

1. Tan Sri Dato' Ir (Dr) Wan Abdul Rahman bin Haji Wan Yaacob (Chairman / Pengerusi)
Independent Non-Executive Director / Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
2. Tan Sri Dato' Nasruddin bin Bahari
Independent Non-Executive Director / Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
3. Dato' Lin Yun Ling
Non-Independent Non-Executive Director / Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas

The Nomination Committee is primarily responsible for the review on an annual basis the appropriate balance, size, the required mix of skills and experience, qualities and effectiveness of the Board and makes recommendation on nomination or change to the Board in ensuring the appropriate Board balance and size of executive and non-executive participation. It is also responsible for making recommendations to the Board on all new Board Committees appointments. The Nomination Committee met once during the year.

In carrying out its duties, the Nomination Committee have full, free and unrestricted access to any information, records, properties and personnel of the Company and the Group. The Committee may use the services of professional recruitment firms to source for the right candidate for directorship or seek independent professional advice whenever necessary.

Jawatankuasa Imbuan bermesyuarat sekali pada tahun ini untuk mengkaji pakej imbuan bagi Lembaga Pengarah serta mengemukakan syor kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan bagi memastikan supaya mereka diganjar dengan sewajarnya, berpadanan dengan prestasi dan sumbangan mereka kepada pertumbuhan dan keuntungan Kumpulan. Dalam mengemukakan syornya, Jawatankuasa dipandu oleh maklumat penyelidikan perbandingan pasaran imbuan berhubung pakej imbuan bagi pengarah syarikat-syarikat senarai awam lain yang dijalankan oleh PricewaterhouseCoopers ke atas syarikat yang tersenarai di Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (Bursa Malaysia).

Dalam menjalankan tugas dan tanggungjawabnya, Jawatankuasa Imbuan mempunyai akses penuh, bebas dan tidak terhalang kepada sebarang maklumat, rekod, hartanah dan kakitangan Syarikat serta Kumpulan. Jawatankuasa Imbuan boleh mendapatkan nasihat perunding luar berhubung kesesuaian pakej imbuan dan lain-lain syarat pekerjaan, jika perlu.

Jawatankuasa Pencalonan dan Pelantikan ke Lembaga Pengarah

Jawatankuasa Pencalonan terdiri secara eksklusif daripada Pengarah Bukan Eksekutif yang mana majoriti daripada mereka adalah bebas. Komposisi Jawatankuasa tersebut adalah seperti berikut:

Jawatankuasa Pencalonan bertanggungjawab terutamanya untuk mengkaji secara tahunan keseimbangan dan saiz yang sesuai serta gabungan kemahiran dan pengalaman yang diperlukan, kualiti dan keberkesanan Lembaga Pengarah dan mengemukakan syor berhubung pencalonan atau pertukaran dalam Lembaga Pengarah bagi memastikan keseimbangan dan saiz Lembaga Pengarah yang sesuai antara penyertaan eksekutif dan bukan eksekutif. Ia juga bertanggungjawab mengemukakan syor kepada Lembaga Pengarah berhubung semua pelantikan baru ke Jawatankuasa Lembaga Pengarah. Jawatankuasa Pencalonan bermesyuarat sekali pada tahun ini.

Dalam menjalankan tugasnya, Jawatankuasa Pencalonan mempunyai akses penuh, bebas dan tidak terhalang kepada sebarang maklumat, rekod, hartanah dan kakitangan Syarikat serta Kumpulan. Jawatankuasa boleh menggunakan khidmat firma pekerjaan profesional untuk mendapatkan calon yang sesuai bagi jawatan pengarah atau mendapatkan nasihat profesional bebas, jika perlu.

ACCOUNTABILITY AND AUDIT

Financial Reporting

The Board is committed to provide a balanced, clear and meaningful assessment of the Group's financial positions and prospects in all its reports to the shareholders, investors and regulatory authorities. Early releases of announcements on the Group's quarterly financial results to Bursa Malaysia clearly reflects the Board's commitment in providing timely, transparent and up-to-date disclosure of the Group's performance.

In its endeavour to prepare a financial statement which gives a true and fair view of the state of affairs of the Company and the Group, the Board is assisted by the Audit Committee in scrutinizing information for disclosure to ensure accuracy, adequacy and completeness.

Directors' Responsibility Statement

The Board is committed to ensure that the financial statements of the Company and the Group are prepared with accuracy and give a true and fair view of the state of affairs of the Company and the Group and of their results and cash flows for financial year ended 31 March 2009, in compliance with the provisions of the Companies Act, 1965 and the Listing Requirements of Bursa Malaysia.

In preparing these financial statements, the Board has:

- applied appropriate accounting policies on a consistent basis;
- complied with all applicable approved accounting standards;
- made judgements and estimates that are reasonable and prudent; and
- prepared the financial statements on a going concern basis.

The Board is responsible for keeping proper accounting records which disclose with reasonable accuracy the financial position of the Company and the Group. The Board with the assistance of the internal auditors is overall responsible for taking reasonable steps to safeguard the assets and properties of the Group to prevent and detect fraud and other irregularities.

Audit Committee

In addition to the duties and responsibilities set out under its terms of reference, the Audit Committee with the assistance of a team of dedicated and capable internal auditors reviews the effectiveness of internal control systems, risk management systems and

KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN AUDIT

Laporan Kewangan

Lembaga Pengarah komited untuk menyediakan penilaian seimbang, jelas dan bermakna terhadap kedudukan dan prospek kewangan Kumpulan dalam semua laporannya kepada pemegang saham, pelabur dan pihak penguatkuasa peraturan. Penerbitan awal pengumuman berhubung keputusan kewangan suku tahunan Kumpulan kepada Bursa Malaysia menggambarkan dengan jelas komitmen Lembaga Pengarah dalam menyediakan pendedahan yang tepat pada masa, telus dan terkini berhubung prestasi Kumpulan.

Dalam usahanya menyediakan penyata kewangan yang memberi pandangan yang benar dan saksama berhubung hal ehwal Syarikat dan Kumpulan, Lembaga Pengarah dibantu oleh Jawatankuasa Audit dalam meneliti maklumat untuk pendedahan bagi memastikan ketepatan, kecukupan dan kelengkapannya.

Penyata Tanggungjawab Pengarah

Lembaga Pengarah komited untuk memastikan supaya penyata kewangan Syarikat dan Kumpulan disediakan dengan tepat dan memberi pandangan yang benar dan saksama berhubung keadaan hal ehwal Syarikat dan Kumpulan serta keputusan dan aliran tunai mereka bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2009, bagi mematuhi peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan Keperluan Penyenaaraan Bursa Malaysia.

Dalam menyediakan penyata kewangan ini, Lembaga Pengarah telah:

- menggunakan dasar perakaunan yang sesuai secara konsisten;
- mematuhi semua piawaian perakaunan yang sesuai dan diluluskan;
- membuat pertimbangan dan anggaran yang berpatutan dan berhemah; dan
- menyediakan penyata kewangan berdasarkan andaian usahaniaga berterusan.

Lembaga Pengarah bertanggungjawab menyimpan rekod perakaunan yang sesuai yang mendedahkan dengan ketepatan munasabah kedudukan kewangan Syarikat dan Kumpulan. Dengan bantuan juruaudit dalaman, Lembaga Pengarah bertanggungjawab secara keseluruhan untuk mengambil langkah-langkah yang wajar bagi melindungi aset dan hartanah Kumpulan untuk mencegah dan mengesan penipuan dan perkara-perkara luar biasa.

Jawatankuasa Audit

Selain daripada tugas dan tanggungjawab yang digariskan di bawah terma rujukannya, Jawatankuasa Audit dengan bantuan satu pasukan juruaudit dalaman yang berdedikasi dan berkebolehan mengkaji keberkesanan sistem kawalan dalaman, sistem pengurusan risiko dan pematuhan dengan undang-undang serta peraturan. Ia juga mengkaji

compliance with laws and regulations. It also reviews policies and procedures to continuously enhance the effectiveness of internal control systems. When need be, it would make appropriate recommendations or highlight matters of concern to the Board for action.

The Audit Committee met four times during the year and all the Committee members attended all the meetings held.

The composition and activities of the Audit Committee during the year are set out under the Audit Committee Report on pages 32 to 36.

Relationship with the External Auditors

The external auditors attended two out of the four Audit Committee meetings held during the financial year to review and discuss their audit plan, scope, nature of audit and the financial statements with the Audit Committee. It would highlight to the Audit Committee matter requiring attention including the Group's accounting policies and audit findings and also update the Audit Committee on the requirements of new approved accounting standards. In addition, the Audit Committee met the external auditors twice during the financial year without the Executive Director and the Management present. The meeting enabled the external auditors to, in confidence, raise issues or concerns in matters of financial reporting.

The external auditors were also invited to attend the Company's Annual General Meeting to answer any queries from the shareholders pertaining to their audit of the Company and the Group.

The details of the non-audit fees paid or payable to the external auditors are set out under Additional Compliance Information on page 37.

Internal Control

The Board is responsible for maintaining a sound system of internal control, which provides reasonable assessment of effective and efficient operations, internal financial control procedures and guidelines and compliance with laws and regulations as well as with internal policies and procedures to safeguard the interests of the shareholders and stakeholders. The Board reviewed the effectiveness of the internal control system through the Audit Committee with the assistance of its dedicated team of internal auditors which carried out on going risk assessment and auditing of the different areas of the business covering financial, operational and compliance throughout the year.

dasar dan prosedur untuk terus mempertingkatkan keberkesanan sistem kawalan dalaman. Jika perlu, ia akan mengemukakan syor-syor yang sesuai atau menyetujui perkara-perkara yang membimbangkan kepada Lembaga Pengarah untuk tindakan.

Jawatankuasa Audit bermesyuarat empat kali pada tahun ini dengan kehadiran semua ahli di semua mesyuarat yang diadakan.

Komposisi dan aktiviti Jawatankuasa Audit pada tahun ini dibentangkan di bawah Laporan Jawatankuasa Audit di muka surat 32 hingga 36.

Perhubungan dengan Juruaudit Luar

Juruaudit luar menghadiri dua daripada empat mesyuarat Jawatankuasa Audit yang diadakan pada tahun kewangan ini untuk mengkaji dan membincangkan rancangan, skop dan bentuk audit mereka serta penyata kewangan dengan Jawatankuasa Audit. Ia akan menyetujui perkara-perkara yang memerlukan perhatian termasuk dasar perakaunan Kumpulan dan penemuan audit dan turut memaklumkan Jawatankuasa Audit berhubung keperluan piawaian perakaunan baru yang diluluskan. Selain itu, Jawatankuasa Audit telah bermesyuarat dengan juruaudit luar sebanyak 2 kali tanpa kehadiran Pengarah Eksekutif dan pihak Pengurusan pada tahun kewangan ini. Mesyuarat tersebut membolehkan juruaudit luar dengan penuh keyakinan, membangkitkan isu atau kemusykilan dalam hal-hal berkaitan laporan kewangan.

Juruaudit luar juga dijemput untuk menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat untuk menjawab sebarang pertanyaan daripada para pemegang saham mengenai audit mereka terhadap Syarikat dan Kumpulan.

Butir-butir yuran bukan audit yang dibayar atau perlu dibayar kepada juruaudit luar dibentangkan di bawah Maklumat Pematuhan Tambahan di muka surat 37.

Kawalan Dalaman

Lembaga Pengarah bertanggungjawab mengekalkan satu sistem kawalan dalaman yang baik yang memberi penilaian wajar berhubung keberkesanan dan kecekapan operasi, prosedur kawalan kewangan dalaman dan garis panduan serta pematuhan dengan undang-undang dan peraturan serta dasar dan prosedur dalaman bagi melindungi kepentingan para pemegang saham dan pemegang kepentingan. Lembaga Pengarah mengkaji keberkesanan sistem kawalan dalaman melalui Jawatankuasa Audit dengan bantuan pasukan juruaudit dalaman yang berdedikasi. Mereka menjalankan penilaian risiko berterusan dan mengaudit bidang-bidang perniagaan yang berlainan meliputi kewangan, operasi dan pematuhan pada sepanjang tahun.

Corporate Governance Statement

Penyata Tadbir Urus Korporat

The Statement on Internal Control furnished on pages 29 to 31 of the Annual Report provides an overview of the state of internal control within the Group.

SHAREHOLDERS COMMUNICATION AND INVESTORS RELATIONS POLICY

The Company believes in maintaining an open and constructive channel of communication with its shareholders, stakeholders and investors. Information about the Group is disseminated via its annual reports, shareholders' circulars, quarterly financial results and other announcements made to Bursa Malaysia from time to time. Copies of the Company's annual report and shareholders' circular are also made available to the interested institutional investors, fund managers and public upon request.

The Company values the feedback of its shareholders. As general meetings of the Company remain the main forums of direct communication with its shareholders, the Chairman encourages shareholders to actively participate in discussion and deliberation at the Company's general meetings. The shareholders have direct access to the Board members and senior management who are on hand to answer their questions on agenda items of the general meetings or any questions pertaining to the Group's business activities and performance. Press conferences with the journalists are normally held after the general meetings.

Besides general meetings, the shareholders, stakeholders, investors and the general public could communicate with the Company via the Group's website at www.litrak.com.my. The Communications Department also make press releases from time to time to keep the public informed of the Group's latest activities and the public are also welcomed to visit the Company personally for more information.

The Company welcomes dialogues with the investment community in building mutually beneficial relationships with investors whilst ensuring the best information possible about the fundamental strength and prospects of the Company is disseminated to the investing public accurately and help them to make well informed decisions. The Group Corporate and Finance Department meets institutional investors, fund managers and analysts from time to time to directly address issues that investors may have and to explain or clarify aspects of the business or operations of the Group and at the same time, enlighten them with the Group's performance and business activities.

Penyata Kawalan Dalaman yang disediakan di muka surat 29 hingga 31 dalam Laporan Tahunan membentangkan tinjauan menyeluruh terhadap keadaan kawalan dalaman dalam Kumpulan.

DASAR KOMUNIKASI PEMEGANG SAHAM DAN PERHUBUNGAN PELABUR

Syarikat percaya dalam memelihara saluran komunikasi yang terbuka dan membina dengan para pemegang saham, pemegang kepentingan dan pelabur. Maklumat mengenai Kumpulan disebarkan melalui laporan tahunan, pekeliling pemegang saham, keputusan kewangan suku tahunan dan pengumuman lain yang dibuat kepada Bursa Malaysia dari semasa ke semasa. Salinan laporan tahunan Syarikat dan pekeliling pemegang saham turut disediakan kepada pelabur institusi, pengurus dana dan orang ramai yang berminat atas permintaan mereka.

Syarikat menghargai maklum balas daripada para pemegang sahamnya. Mesyuarat agung Syarikat kekal sebagai forum utama bagi komunikasi langsung dengan pemegang sahamnya dan Pengerusi menggalakkan para pemegang saham untuk mengambil bahagian secara aktif dalam perbincangan dan pertimbangan di mesyuarat agung Syarikat. Para pemegang saham mempunyai akses langsung kepada ahli Lembaga Pengarah dan pengurusan kanan yang bersedia menjawab soalan mereka berhubung perkara-perkara agenda mesyuarat agung tersebut atau sebarang soalan mengenai aktiviti dan prestasi perniagaan Kumpulan. Sidang akhbar dengan wartawan biasanya diadakan selepas mesyuarat agung.

Selain daripada mesyuarat agung, para pemegang saham, pemegang kepentingan, pelabur dan orang ramai boleh berkomunikasi dengan Syarikat melalui laman web Kumpulan di www.litrak.com.my. Jabatan Komunikasi turut mengeluarkan siaran akhbar dari semasa ke semasa untuk memaklumkan orang ramai berhubung aktiviti terkini Kumpulan dan orang ramai juga dialu-alukan mengunjungi Syarikat secara peribadi untuk maklumat lanjut.

Syarikat mengalu-alukan dialog dengan komuniti pelabur dalam membina perhubungan yang berfaedah kepada kedua-dua pihak, pada masa yang sama memastikan maklumat terbaik berhubung keteguhan asas dan prospek Syarikat disebarkan kepada masyarakat pelabur dengan tepat dan membantu mereka membuat keputusan yang termaklum. Bahagian Korporat dan Kewangan Kumpulan berjumpa dengan para pelabur institusi, pengurus dana dan penganalisa dari semasa ke semasa untuk menangani secara langsung isu-isu yang mungkin ingin disampaikan oleh pelabur dan menerang atau menjelaskan aspek-aspek perniagaan atau operasi Kumpulan dan pada masa yang sama, memaklumkan kepada mereka berhubung prestasi dan aktiviti perniagaan Kumpulan.

Statement on Internal Control

Penyata Kawalan Dalaman

Board's Responsibility

The Board affirms its commitment to maintaining a sound system of internal control to safeguard shareholders' investments and the Group's assets and to reviewing the adequacy and integrity of the internal control. The system of internal control covers inter alia, financial, operational and compliance controls and risk management. The Board recognizes that the Group's internal control system is designed to manage the major risks identified, rather than to eliminate the risk of failure. Accordingly, the internal control system can only provide reasonable and not absolute assurance against material error, misstatement or loss. The Board confirms that an on-going process of identifying, evaluating and managing all significant risks faced by the Group has been in place for the year. The process is regularly reviewed by the Board and is in accordance with the Statement on Internal Control: Guidance for Directors of Public Listed Companies.

Risk Management

The risk management framework has been embedded in the Company's management systems. The Management assists the Board in implementing the process of identifying, evaluating and managing significant risks applicable to their respective areas of business and in formulating suitable internal controls to mitigate and control these risks.

Risk assessment and evaluation is an integral part of the annual business planning and budgeting process. Having established the business objectives, each business or functional unit is required to identify and document those risks that can significantly affect their achievement together with the associated controls that are capable of mitigating such risks. New areas are introduced for assessment as the risk profile of the business changes. By this process, each business or functional unit identifies the risks, controls and processes for managing them in a risk assessment report. Significant risks are summarized into a risk map and presented semi-annually to the Audit Committee for their consideration.

Key Internal Control Features

Key features of the processes established within the Group which can contribute to a sound system of internal control are as follows:

Tanggungjawab Lembaga

Lembaga menegaskan komitmennya untuk mengekalkan sebuah sistem kawalan dalaman yang tersusun bagi melindungi pelaburan para pemegang saham dan aset Kumpulan dan untuk mengkaji kecukupan dan kewibawaan kawalan dalaman. Sistem kawalan dalaman meliputi, antara lain, kawalan kewangan, operasi dan pematuhan serta pengurusan risiko. Lembaga mengakui bahawa sistem kawalan dalaman Kumpulan diwujudkan untuk menguruskan risiko-risiko utama yang dikenalpasti dan bukan untuk menghapuskan risiko kegagalan. Oleh yang demikian, sistem kawalan dalaman tersebut hanya boleh memberikan jaminan munasabah dan bukan muktamad terhadap kesilapan, salahnyata atau kerugian ketara. Lembaga mengesahkan bahawa satu proses berterusan telah tersedia pada tahun ini untuk mengenalpasti, menilai dan mengurus semua risiko penting yang dihadapi oleh Kumpulan. Proses tersebut dikaji dari masa ke semasa oleh Lembaga dan adalah selaras dengan Penyata Kawalan Dalaman: Panduan bagi para Pengarah Syarikat Senarai Awam.

Pengurusan Risiko

Rangka kerja pengurusan risiko telah disebatkan ke dalam sistem pengurusan Syarikat. Pihak Pengurusan membantu Lembaga melaksanakan proses mengenalpasti, menilai dan mengurus risiko penting yang berkaitan dengan setiap bidang perniagaan mereka. Pihak Pengurusan juga berperanan merumus kawalan dalaman yang bersesuaian untuk mengurangkan dan mengawal risiko-risiko tersebut.

Taksiran dan penilaian risiko adalah satu bahagian penting dalam proses perancangan dan belanjawan perniagaan tahunan. Setelah menetapkan objektif perniagaan, setiap unit perniagaan atau unit fungsi dikehendaki mengenalpasti dan mendokumen risiko-risiko yang boleh menjejaskan dengan ketara pencapaian mereka serta kawalan yang berkenaan yang boleh mengurangkan risiko-risiko tersebut. Bidang-bidang baru diperkenalkan untuk penilaian seiring dengan perubahan profil risiko perniagaan. Melalui proses ini, setiap unit perniagaan atau unit fungsi mengenalpasti risiko, kawalan dan proses untuk menguruskannya dalam laporan penilaian risiko. Risiko-risiko penting diringkaskan di dalam peta risiko dan dibentangkan kepada Jawatankuasa Audit setiap enam bulan untuk pertimbangan mereka.

Ciri-Ciri Kawalan Dalaman Penting

Ciri-ciri penting proses yang diwujudkan dalam Kumpulan yang boleh menyumbang kepada satu sistem kawalan dalaman yang tersusun adalah seperti berikut:

Statement on Internal Control

Penyata Kawalan Dalaman

- various Board committees have been established to assist the Board in discharging its duties. The Committees include:
 - Executive Committee
 - Audit Committee
 - Remuneration Committee
 - Nomination Committee
- a defined organizational structure with clear lines of responsibility, delegation of authority and accountability is in place;
- Standard Operating Policies and Procedures which are systematically documented and made available to guide staff in their day-to-day work processes. These policies and procedures are reviewed regularly and updated when necessary;
- an information reporting system which provides regular financial performance results and key business indicators on operations to the Management and the Board;
- a detailed budgetary planning and control process in which annual budgets are prepared and agreed with operating units for subsequent results to be monitored against budget. Major variances in revenue, profit and expenditure are investigated and Management actions taken, where necessary;
- (i) For cash and cash equivalents, sundry receivables, tax recoverable, sundry payables and intercompany balances, the carrying amount of those instruments are used as an approximation of the fair value due to the relative short term maturity of these instruments; and
- (ii) For reimbursable land cost and IMTNs, the fair values are estimated by discounting the expected future cash flows using the weighted average interest rate/profit element of all the instruments and the prevailing market yield for related instruments respectively.

The Group's covenanted obligation is at carrying value and not fair value.

36. Comparative Figures

The presentation and classification of items in the current year financial statements have been consistent with the previous financial year except for certain comparative amounts which have been reclassified to conform with current year's presentation.



PENYATA KEWANGAN

- 94 Laporan Pengarah
- 99 Penyata Para Pengarah
- 99 Akuan Berkanun
- 100 Laporan Juruaudit Bebas
- 101 Penyata Pendapatan
- 102 Lembaran Imbangan
- 103 Penyata Perubahan Ekuiti yang Disatukan
- 104 Penyata Perubahan Ekuiti
- 105 Penyata Aliran Tunai
- 107 Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Laporan Pengarah

Para pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka berserta dengan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2009.

Aktiviti-aktiviti Utama

Aktiviti-aktiviti utama Syarikat adalah pegangan pelaburan dan penyediaan khidmat pengurusan kepada syarikat-syarikat subsidiari.

Aktiviti-aktiviti utama syarikat-syarikat subsidiari adalah merekabentuk, membina, mengendali dan menyenggara Lebuh Raya Damansara-Puchong ("Lebuh Raya") dan mengurus operasi tolnya mengikut pengaturannya yang dinyatakan selanjutnya dalam Nota 34 kepada penyata kewangan, dan pegangan pelaburan.

Tiada sebarang perubahan ketara dalam bentuk aktiviti-aktiviti utama tersebut sepanjang tahun kewangan.

Keputusan

	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Keuntungan bagi tahun	102,139	284,790

Tiada sebarang pemindahan ketara kepada atau daripada rizab atau peruntukan di sepanjang tahun kewangan selain daripada yang dinyatakan dalam penyata kewangan.

Pada pendapat para pengarah, keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat sepanjang tahun kewangan ini tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urusanniaga atau peristiwa penting dan berbentuk luar biasa.

Dividen

Jumlah dividen yang telah diisytihar dan dibayar oleh Syarikat sejak 31 Mac 2008 adalah seperti berikut:

	RM'000
Bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2008 seperti yang dilaporkan dalam laporan pengarah tahun tersebut:	
Dividen interim satu peringkat sebanyak 7 sen yang diisytihar pada 9 April 2008 dan dibayar pada 7 Julai 2008	34,583
Bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2009:	
Dividen interim satu peringkat pertama sebanyak 5 sen diisytihar pada 22 Ogos 2008 dan dibayar pada 25 September 2008	24,720
Dividen interim satu peringkat kedua sebanyak 20 sen diisytihar pada 25 Februari 2009 dan dibayar pada 24 Mac 2009	99,386
	158,689

Para pengarah tidak mengesyorkan pembayaran dividen akhir berhubung tahun kewangan semasa.

Para Pengarah

Nama-nama para pengarah Syarikat yang memegang jawatan sejak tarikh laporan pengarah yang lalu dan pada tarikh laporan ini adalah:

Tan Sri Dato' Ir (Dr) Wan Abdul Rahman bin Haji Wan Yaacob
Ir Haji Yusoff bin Daud
Dato' Lin Yun Ling
Tan Sri Dato' Nasruddin bin Bahari
Dato' Ir Chew Swee Hock
Dato' Ir Haji Azmi bin Mat Nor
En Ng Kee Leen
En Saw Wah Theng

Laporan Pengarah

Manfaat Para Pengarah

Tidak wujud pada akhir tahun kewangan ini, atau pada sebarang masa sepanjang tahun ini, sebarang pengaturan di mana Syarikat sebagai satu pihak, yang membolehkan para pengarah memperoleh manfaat melalui pembelian saham atau debentur di dalam Syarikat atau sebarang badan korporat lain, selain daripada opsiyen saham yang diberi menurut Skim Opsiyen Saham Pekerja ("ESOS").

Sejak akhir tahun kewangan yang lalu, tiada pengarah yang telah menerima atau berhak untuk menerima sebarang manfaat (selain daripada yang termasuk dalam jumlah agregat emolumen yang telah diterima atau akan diterima oleh para pengarah atau gaji tetap sebagai pekerja sepenuh masa Syarikat seperti yang dinyatakan dalam Nota 6 kepada penyata kewangan) melalui kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau badan korporat berkaitan dengan mana-mana pengarah atau dengan firma di mana pengarah adalah seorang ahli atau dengan sebuah syarikat di mana pengarah mempunyai kepentingan kewangan yang ketara, kecuali seperti yang dinyatakan dalam Nota 33 kepada penyata kewangan.

Kepentingan Pengarah

Menurut daftar pemegangan saham pengarah, kepentingan para pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan semasa dalam saham dan opsiyen atas saham Syarikat dan badan-badan korporat berkaitan dengannya sepanjang tahun kewangan ini adalah seperti berikut:

	Bilangan saham biasa berharga RM0.20 sesaham #			
	1 April 2008	Dibeli/ Pelaksanaan ESOS	Dijual	31 Mac 2009
Syarikat				
Kepentingan Langsung				
Tan Sri Dato' Ir (Dr) Wan Abdul Rahman bin Haji Wan Yaacob	169,500	–	–	169,500
Ir Haji Yusoff bin Daud	65,000	200,000	(210,000)	55,000
Dato' Lin Yun Ling	465,000	–	–	465,000
Tan Sri Dato' Nasruddin bin Bahari	198,500	–	–	198,500
Dato' Ir Chew Swee Hock	149,500	–	–	149,500
Dato' Ir Haji Azmi bin Mat Nor	100,000	–	–	100,000
En Ng Kee Leen	1,473,500	–	–	1,473,500
En Saw Wah Theng	100,000	–	–	100,000

Kepentingan Tidak Langsung*

Ir Haji Yusoff bin Daud	328,499	–	–	328,499
-------------------------	---------	---	---	---------

* Dianggap kepentingan melalui pegangannya dalam Irama Duta Sdn Bhd

Skim Opsiyen Saham Pekerja

Syarikat	Bilangan opsiyen ke atas saham-saham biasa berharga RM0.20 sesaham #			
	1 April 2008	Diberi	Dilaksana	31 Mac 2009
Ir Haji Yusoff bin Daud	–	200,000	(200,000)	–
Dato' Lin Yun Ling	100,000	–	–	100,000

Pada 31 Mac 2009, nilai tara bagi setiap saham biasa Syarikat telah dikurangkan daripada RM1.00 kepada RM0.20 sesaham, kesan daripada pelaksanaan bayaran balik modal yang diselesaikan pada 13 Ogos 2008.

Modal Saham

Pada 9 April 2008, Lembaga Pengarah Syarikat telah meluluskan cadangan untuk mengagihkan tunai kepada para pemegang saham Syarikat berjumlah RM1.00 bagi setiap saham biasa berharga RM1.00 sesaham dalam Syarikat melalui:

- (i) pengurangan dalam nilai tara modal saham yang diterbitkan dan berbayar daripada RM1.00 kepada RM0.20 bagi setiap saham biasa berharga RM1.00 sesaham Syarikat; dan
- (ii) pengurangan akaun premium saham sebanyak RM0.13 bagi setiap saham biasa berharga RM1.00 sesaham Syarikat (secara kolektif (i) dan (ii) dirujuk sebagai "Cadangan Bayaran Balik Modal"); dan
- (iii) pengisytiharaan dividen interim satu peringkat sebanyak RM0.07 bagi setiap saham biasa berharga RM1.00 sesaham Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2008.

Pada 21 April 2008, Bursa Securities Malaysia Berhad telah mengeluarkan kelulusan berhubung Cadangan Bayaran Balik Modal yang seterusnya tertakluk kepada:

- (i) kelulusan oleh para pemegang saham biasa Syarikat menurut satu resolusi khas yang akan dibentangkan pada Mesyuarat Agung Luar Biasa; dan
- (ii) Perintah Mahkamah Tinggi Malaya menurut Seksyen 64 Akta Syarikat, 1965 bagi Cadangan Bayaran Balik Modal.

Pada 28 Mei 2008, menurut satu resolusi khas yang dibentangkan pada Mesyuarat Agung Luar Biasa yang telah diadakan, para pemegang saham biasa Syarikat telah memberi kebenaran mereka terhadap Cadangan Bayaran Balik Modal yang dinyatakan di atas.

Pada 13 Ogos 2008, Syarikat telah menyelesaikan pelaksanaan bayaran balik modal dan oleh itu, nilai tara bagi setiap saham biasa Syarikat telah dikurangkan daripada RM1.00 kepada RM0.20 sesaham.

Pada tahun kewangan ini, modal saham biasa diterbitkan dan berbayar Syarikat telah dikurangkan daripada RM492,100,618 kepada RM99,400,324 berikutan penerbitan 2,266,000 saham-saham biasa baru berharga RM1.00 sesaham, bayaran balik modal berjumlah RM395,493,294 dan penerbitan 2,635,000 saham-saham biasa baru berharga RM0.20 sesaham. Saham-saham biasa tersebut diterbitkan untuk tunai menurut Skim Opsyen Saham Pekerja pada harga-harga terbitan antara RM1.34 hingga RM3.34. Saham-saham biasa baru yang diterbitkan ini bertaraf pari passu dalam semua aspek dengan saham-saham biasa Syarikat yang sedia ada.

Selepas tahun kewangan ini, modal saham diterbitkan dan berbayar Syarikat telah bertambah daripada RM99,400,324 kepada RM99,537,724 melalui penerbitan sebanyak 687,000 saham-saham biasa baru berharga RM0.20 sesaham untuk tunai menurut Skim Opsyen Saham Pekerja pada harga-harga terbitan antara RM1.34 hingga RM1.65. Saham-saham biasa baru yang diterbitkan ini bertaraf pari passu dalam semua aspek dengan saham-saham biasa Syarikat yang sedia ada.

Skim Opsyen Saham Pekerja ("ESOS")

Pada Mesyuarat Agung Luar Biasa yang diadakan pada 21 Ogos 2003, para pemegang saham Syarikat telah meluluskan pelaksanaan Skim Opsyen Saham Pekerja ("ESOS") yang telah berkuatkuasa pada 9 Oktober 2003 untuk tempoh selama 5 tahun berakhir pada 8 Oktober 2008.

Pada Mesyuarat Agung Luar Biasa yang diadakan pada 28 Ogos 2006, para pemegang saham Syarikat telah meluluskan pemberian opsyen-opsyen ke atas saham-saham biasa Syarikat berharga RM1.00 sesaham kepada para pengarah bukan eksekutif Syarikat dengan syarat bahawa:

- (i) tidak melebihi 50% daripada saham-saham biasa berharga RM1.00 sesaham dalam Syarikat yang tersedia di bawah ESOS akan diperuntuk, mengikut agregat, kepada para pengarah dan pengurusan kanan Syarikat dan syarikat-syarikat subsidiarinya yang aktif; dan
- (ii) tidak melebihi 10% daripada saham-saham biasa berharga RM1.00 sesaham dalam Syarikat yang tersedia di bawah ESOS akan diperuntuk kepada beliau, jika beliau, sama ada beliau sendiri atau secara kolektif melalui individu yang berkaitan dengan beliau, memiliki 20% atau lebih daripada modal diterbitkan dan berbayar Syarikat.

Pada 14 Ogos 2008, menurut Undang-undang Kecil 19.2 dalam Undang-undang Kecil ESOS (Nota 22(b)(iii)), Jawatankuasa ESOS telah melanjutkan skim sedia ada selama 5 tahun lagi yang akan tamat tempoh pada 8 Oktober 2013.

Laporan Pengarah

Skim Opsyen Saham Pekerja ("ESOS") (samb.)

Menurut ESOS, opsyen untuk melanggan sebanyak 19,942,000 saham-saham biasa baru berharga RM0.20 sesaham telah diberi kepada pekerja dan pengarah yang layak, dan opsyen untuk melanggan 2,654,000 saham-saham biasa baru yang masih belum dilaksanakan pada 31 Mac 2009.

Pergerakan opsyen bagi tahun kewangan semasa bagi ESOS dan ciri-ciri utama ESOS dinyatakan dalam Nota 22 kepada penyata kewangan.

Syarikat telah diberi pengecualian oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia untuk tidak menyatakan nama-nama pemegang opsyen, selain daripada para pengarah, yang telah diberi opsyen untuk melanggan kurang daripada 60,000 saham-saham biasa berharga RM0.20 sesaham. Nama-nama pemegang opsyen yang telah diberi opsyen untuk melanggan sebanyak 60,000 atau lebih saham-saham biasa yang berharga RM0.20 sesaham pada tahun kewangan ini adalah seperti berikut:

Nama	Tarikh Luput	Bilangan Opsyen Saham Diberi
Sazally bin Saidi	08 Okt 2013	110,000
Francisco A/L Anthony Doss	08 Okt 2013	64,000
Oon Kam Lam	08 Okt 2013	64,000

Butir-butir opsyen yang diberikan kepada para pengarah dinyatakan dalam seksyen Kepentingan Pengarah dalam laporan ini.

Lain-lain Maklumat Berkanun

- (a) Sebelum penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat disediakan, para pengarah telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya:
- (i) untuk memastikan bahawa tindakan yang sewajarnya telah diambil untuk menghapuskira hutang lapuk dan membuat elaun bagi hutang ragu dan telah berpuas hati bahawa tiada hutang lapuk yang diketahui dan tiada elaun bagi hutang ragu diperlukan; dan
 - (ii) untuk memastikan bahawa sebarang aset semasa yang tidak mungkin dapat direalisasikan nilainya seperti yang ditunjukkan di dalam rekod perakaunan dalam perjalanan urusanniaga biasa telah diturunkan nilainya ke satu amaun yang dijangka dapat direalisasikan.
- (b) Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan yang boleh menyebabkan:
- (i) perlunya untuk menghapuskira sebarang hutang lapuk atau untuk membuat elaun bagi hutang ragu berhubung penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat; dan
 - (ii) nilai aset semasa yang dinyatakan di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mengelirukan.
- (c) Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan yang timbul yang boleh menyebabkan pematuhan terhadap kaedah semasa penilaian aset atau liabiliti Kumpulan dan Syarikat mengelirukan atau tidak sesuai.
- (d) Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan yang tidak dinyatakan di dalam laporan ini atau penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang boleh menyebabkan sebarang amaun yang dinyatakan di dalam penyata kewangan mengelirukan.
- (e) Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:
- (i) sebarang caj ke atas aset Kumpulan atau Syarikat yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan yang menjamin liabiliti pihak lain; atau
 - (ii) sebarang liabiliti luar jangka Kumpulan dan Syarikat yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan.

Lain-lain Maklumat Berkanun (samb.)

(f) Pada pendapat para pengarah:

- (i) tiada liabiliti luar jangka atau liabiliti lain yang telah dikuatkuasakan atau mungkin boleh dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan yang akan atau boleh menjejaskan dengan ketara kemampuan Kumpulan dan Syarikat menunaikan kewajipan masing-masing apabila tiba masanya; dan
- (ii) tiada perkara, urusaniaga atau peristiwa penting dan berbentuk luar biasa telah timbul dalam tempoh antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini yang mungkin akan menjejaskan dengan ketara keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan di mana laporan ini dibuat.

Juruaudit

Juruaudit, Ernst & Young, telah menyatakan kesanggupan mereka untuk meneruskan perkhidmatan.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi para pengarah bertarikh 21 Mei 2009.

Tan Sri Dato' Ir (Dr) Wan Abdul Rahman bin Haji Wan Yaacob
Pengerusi

Ir Haji Yusoff bin Daud
Pengarah Eksekutif

Penyata Para Pengarah

Menurut Seksyen 169(15) Akta Syarikat, 1965

Kami, Tan Sri Dato' Ir (Dr) Wan Abdul Rahman bin Haji Wan Yaacob dan Ir Haji Yusoff bin Daud, dua daripada para pengarah Lingkaran Trans Kota Holdings Berhad, menyatakan bahawa pada pendapat para pengarah, penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 101 hingga 146 telah disediakan selaras dengan peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan Piawaian Laporan Kewangan yang berkenaan di Malaysia untuk memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Mac 2009 dan keputusan serta aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan yang berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi para pengarah bertarikh 21 Mei 2009.

Tan Sri Dato' Ir (Dr) Wan Abdul Rahman bin Haji Wan Yaacob
Pengerusi

Ir Haji Yusoff bin Daud
Pengarah Eksekutif

Akuan Berkanun

Menurut Seksyen 169(16) Akta Syarikat, 1965

Saya, Richard Lim Kim Ong, pegawai yang terutamanya bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan Lingkaran Trans Kota Holdings Berhad, dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 101 hingga 146 adalah betul pada pendapat saya, dan saya membuat pengakuan ini dengan penuh kepercayaan akan kebenarannya dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diakui dengan sesungguhnya
oleh penama di atas Richard Lim Kim Ong
di Petaling Jaya di negeri Selangor
Darul Ehsan pada 21 Mei 2009

Richard Lim Kim Ong

Di hadapan saya,

Pesuruhjaya Sumpah

Laporan Juruaudit Bebas

kepada pemegang-pemegang saham Lingkaran Trans Kota Holdings Berhad
(Diperbadankan Di Malaysia)

Laporan mengenai Penyata Kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan Lingkaran Trans Kota Holdings Berhad yang terdiri daripada lembaran imbalan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Mac 2009, dan penyata pendapatan, penyata perubahan ekuiti dan penyata aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut, dan ringkasan dasar-dasar perakaunan penting dan nota-nota penjelasan lain, seperti yang dinyatakan di muka surat 101 hingga 146.

Tanggungjawab pengarah terhadap penyata kewangan

Para pengarah Syarikat bertanggungjawab terhadap penyediaan dan pembentangan penyata kewangan ini secara saksama selaras dengan Piawaian Laporan Kewangan dan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia. Tanggungjawab ini meliputi: merangka, melaksana dan mengekalkan kawalan dalaman yang berkaitan dengan penyediaan dan pembentangan penyata kewangan ini secara saksama yang bebas daripada salah nyata ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan; memilih dan menggunakan dasar-dasar perakaunan yang bersesuaian; dan membuat anggaran-anggaran perakaunan yang munasabah dalam keadaan tersebut.

Tanggungjawab juruaudit

Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat berhubung penyata kewangan berdasarkan audit kami. Kami menjalankan audit selaras dengan piawaian audit yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki agar kami mematuhi keperluan etika dan merancang serta melaksanakan audit untuk mendapatkan jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Audit melibatkan pelaksanaan prosedur untuk mendapatkan bukti audit mengenai jumlah dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan kami, termasuk penilaian risiko salah nyata ketara bagi penyata kewangan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan. Dalam melakukan penilaian risiko tersebut, kami mengambil kira kawalan dalaman yang berkaitan dengan persediaan dan pembentangan penyata kewangan yang saksama oleh Syarikat untuk merangka prosedur audit yang sesuai dalam keadaan tersebut, tetapi bukan untuk tujuan menyatakan pendapat berhubung keberkesanan kawalan dalaman Syarikat. Audit turut meliputi penilaian kesesuaian dasar-dasar perakaunan yang digunakan dan kewajaran anggaran-anggaran perakaunan yang dibuat oleh para pengarah, serta menilai keseluruhan pembentangan penyata kewangan.

Kami percaya bahawa bukti audit yang telah kami peroleh adalah mencukupi dan sesuai untuk memberikan asas kepada pendapat audit kami.

Pendapat

Pada pendapat kami, penyata kewangan ini telah disediakan secara tersusun, selaras dengan Piawaian Laporan Kewangan dan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia, untuk memberikan pandangan yang benar dan saksama berhubung kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Mac 2009 dan prestasi kewangan serta aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Laporan mengenai Keperluan Perundangan dan Penguatkuasaan Lain

Selaras dengan keperluan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia, kami turut melaporkan perkara-perkara berikut:

- (a) Pada pendapat kami, rekod-rekod perakaunan dan rekod-rekod lain serta daftar-daftar yang dikehendaki oleh Akta tersebut untuk disimpan oleh Syarikat dan syarikat-syarikat subsidiarinya, telah disimpan dengan sewajarnya menurut peruntukan-peruntukan Akta tersebut.
- (b) Kami berpuashati bahawa akaun syarikat-syarikat subsidiari yang telah disatukan dengan penyata kewangan Syarikat adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar untuk tujuan penyediaan penyata kewangan disatukan dan kami telah menerima maklumat serta penerangan yang memuaskan yang kami perlukan untuk tujuan-tujuan tersebut.
- (c) Laporan juruaudit mengenai akaun syarikat-syarikat subsidiari tidak tertakluk kepada sebarang syarat dan tidak mengandungi sebarang ulasan yang perlu dibuat di bawah Seksyen 174(3) Akta tersebut.

Hal-hal Lain

Laporan ini dibuat semata-mata kepada para pemegang saham Syarikat, sebagai sebuah badan, selaras dengan Seksyen 174 Akta Syarikat, 1965 di Malaysia dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain bagi kandungan laporan ini.

Ernst & Young
AF: 0039
Akauntan Bertauliah

George Koshy
No. 1846/07/09(J)
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur, Malaysia
21 Mei 2009

Penyata Pendapatan

bagi tahun berakhir 31 Mac 2009

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2009 RM'000	2008 RM'000	2009 RM'000	2008 RM'000
Hasil	3	297,541	293,033	281,376	56,734
Perbelanjaan manfaat pekerja	4	(14,926)	(14,031)	(1,531)	(1,670)
Perbelanjaan penyenggaraan		(10,370)	(10,744)	–	–
Susutnilai dan pelunasan		(41,160)	(41,812)	(7)	(7)
Perbelanjaan lain		(6,207)	(8,136)	(271)	(323)
		(72,663)	(74,723)	(1,809)	(2,000)
Pendapatan lain	5	224,878	218,310	279,567	54,734
Kos pembiayaan	7	19,242	10,263	7,684	42,455
Bahagian keuntungan daripada sebuah syarikat bersekutu		(82,306)	(63,943)	–	–
Bahagian kerugian daripada entiti-entiti dikawal bersama		1	3	–	–
		(16,787)	(21,889)	–	–
Keuntungan sebelum cukai	8	145,028	142,744	287,251	97,189
Perbelanjaan cukai pendapatan	9	(42,889)	(37,949)	(2,461)	(11,024)
Keuntungan bagi tahun		102,139	104,795	284,790	86,165
Pendapatan sesaham asas milik pemegang-pemegang ekuiti Syarikat (sen)	10(a)	20.65	21.36		
Pendapatan sesaham cair milik pemegang-pemegang ekuiti Syarikat (sen)	10(b)	20.63	21.27		

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian penting daripada penyata kewangan ini

Lembaran Imbangan

pada 31 Mac 2009

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2009	2008	2009	2008
		RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Aset					
Aset bukan semasa					
Perbelanjaan pembangunan lebuhraya ("HDE")	11	1,541,622	1,537,907	–	–
Perbelanjaan baikpulih besar	12	40,403	23,805	–	–
Loji dan peralatan	13	2,989	3,028	13	20
Aset tidak ketara	14	369	438	–	–
Pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari					
– Saham tidak disebut harga, pada kos	15	–	–	50,001	50,001
– Stok Pinjaman Tidak Bercagar Boleh Tebus ("RULS")	15	–	–	–	324,100
Pelaburan dalam entiti-entiti yang dikawal bersama	16	282,477	274,264	380,428	355,428
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	17	134	133	200	200
		1,867,994	1,839,575	430,642	729,749
Aset semasa					
Penerimaan lain	18	4,404	9,571	164	251
Hutang daripada syarikat-syarikat subsidiari	19	–	–	217	212
Hutang daripada sebuah entiti yang dikawal bersama	19	1,846	649	1,798	613
Cukai boleh diperolehi semula		15	6	–	–
Tunai dan baki bank	20	377,998	230,408	29,357	57,128
		384,263	240,634	31,536	58,204
Jumlah aset		2,252,257	2,080,209	462,178	787,953
Ekuiti dan liabiliti					
Ekuiti milik pemegang ekuiti Syarikat					
Modal saham	21	99,400	492,101	99,400	492,101
Premium saham		13,772	70,748	13,772	70,748
Rizab lain	22	908	1,636	908	1,636
Keuntungan terkumpul	23	305,999	362,549	196,930	70,829
Jumlah ekuiti		420,079	927,034	311,010	635,314
Liabiliti					
Liabiliti bukan semasa					
Hasil tertunda	24	102,833	140,279	–	–
Liabiliti cukai tertunda	25	189,523	151,326	–	–
Pinjaman jangka panjang	26	1,453,237	722,505	–	–
Obligasi manfaat persaraan	27	511	432	135	115
		1,746,104	1,014,542	135	115
Liabiliti semasa					
Peruntukan bagi kos pengambilan tanah	28	6,136	6,268	–	–
Pinjaman jangka pendek	26	–	75,000	–	–
Hutang kepada syarikat-syarikat subsidiari	19	–	–	150,650	151,040
Pembayaran lain	29	79,903	55,931	348	383
Cukai pendapatan perlu dibayar		35	1,434	35	1,101
		86,074	138,633	151,033	152,524
Jumlah liabiliti		1,832,178	1,153,175	151,168	152,639
Jumlah ekuiti dan liabiliti		2,252,257	2,080,209	462,178	787,953

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian penting daripada penyata kewangan ini

Penyata Perubahan Ekuiti yang Disatukan

bagi tahun berakhir 31 Mac 2009

Kumpulan	Nota	Modal saham RM'000	↳ Tidak boleh diagih ↳		Boleh diagih Keuntungan terkumpul RM'000	Jumlah ekuiti RM'000
			Premium saham RM'000	Rizab lain RM'000		
Pada 1 April 2007		488,807	65,905	1,542	294,074	850,328
Keuntungan bagi tahun		–	–	–	104,795	104,795
Terbitan saham-saham biasa menurut ESOS	21	3,294	3,867	–	–	7,161
Opsyen-opsyen saham yang diberikan di bawah ESOS	22	–	–	1,070	–	1,070
Pelaksanaan opsiyen-opsyen saham	22	–	976	(976)	–	–
Dividen	30	–	–	–	(36,320)	(36,320)
Pada 31 Mac 2008		492,101	70,748	1,636	362,549	927,034
Pada 1 April 2008		492,101	70,748	1,636	362,549	927,034
Keuntungan bagi tahun		–	–	–	102,139	102,139
Terbitan saham-saham biasa menurut ESOS	21	2,793	5,680	–	–	8,473
Opsyen-opsyen saham yang diberikan di bawah ESOS	22	–	–	1,117	–	1,117
Pelaksanaan opsiyen-opsyen saham	22	–	1,845	(1,845)	–	–
Dividen	30	–	–	–	(158,689)	(158,689)
Bayaran balik modal	21	(395,494)	(64,268)	–	–	(459,762)
Perbelanjaan berkaitan dengan bayaran balik modal		–	(233)	–	–	(233)
Pada 31 Mac 2009		99,400	13,772	908	305,999	420,079

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian penting daripada penyata kewangan ini

Penyata Perubahan Ekuiti

bagi tahun berakhir 31 Mac 2009

Syarikat	Nota	Modal saham RM'000	↳ Tidak boleh diagih ↳		Boleh diagih Keuntungan terkumpul RM'000	Jumlah ekuiti RM'000
			Premium saham RM'000	Rizab lain RM'000		
Pada 1 April 2007		488,807	65,905	1,542	20,984	577,238
Keuntungan bagi tahun		–	–	–	86,165	86,165
Terbitan saham-saham biasa menurut ESOS	21	3,294	3,867	–	–	7,161
Opsyen-opsyen saham yang diberikan di bawah ESOS	22	–	–	1,070	–	1,070
Pelaksanaan opsiyen-opsyen saham	22	–	976	(976)	–	–
Dividen	30	–	–	–	(36,320)	(36,320)
Pada 31 Mac 2008		492,101	70,748	1,636	70,829	635,314
Pada 1 April 2008		492,101	70,748	1,636	70,829	635,314
Keuntungan bagi tahun		–	–	–	284,790	284,790
Terbitan saham-saham biasa menurut ESOS	21	2,793	5,680	–	–	8,473
Opsyen-opsyen saham yang diberikan di bawah ESOS	22	–	–	1,117	–	1,117
Pelaksanaan opsiyen-opsyen saham	22	–	1,845	(1,845)	–	–
Dividen	30	–	–	–	(158,689)	(158,689)
Bayaran balik modal	21	(395,494)	(64,268)	–	–	(459,762)
Perbelanjaan berkaitan dengan bayaran balik modal		–	(233)	–	–	(233)
Pada 31 Mac 2009		99,400	13,772	908	196,930	311,010

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian penting daripada penyata kewangan ini

Penyata Aliran Tunai
bagi tahun berakhir 31 Mac 2009

	Kumpulan		Syarikat	
	2009 RM'000	2008 RM'000	2009 RM'000	2008 RM'000
Aliran tunai daripada aktiviti-aktiviti operasi				
Keuntungan sebelum cukai	145,028	142,744	287,251	97,189
Pelarasan bagi:				
Pelunasan HDE	34,438	38,394	–	–
Pelunasan perbelanjaan baikpulih besar	5,123	1,886	–	–
Pelunasan aset tidak ketara	101	157	–	–
Susut nilai loji dan peralatan	1,498	1,375	7	7
Loji dan peralatan dihapuskira	13	11	–	–
Keuntungan daripada pelupusan loji dan peralatan	(89)	(23)	(32)	(13)
Bahagian kerugian daripada entiti-entiti dikawal bersama	16,787	21,889	–	–
Bahagian keuntungan daripada syarikat bersekutu	(1)	(3)	–	–
Hasil tertunda diiktiraf	(37,446)	(36,507)	–	–
Pendapatan faedah	(17,688)	(8,143)	(7,684)	(42,455)
Kos pembiayaan	82,306	63,943	–	–
Bahagian keuntungan daripada kemudahan pelaburan Islam	(1,536)	(2,104)	–	–
Pendapatan dividen	–	–	(280,000)	(55,243)
Hutang lapuk dihapuskira	–	32	–	–
Tambahhan/(pengurangan) peruntukan pampasan ketidakhadiran jangka pendek terkumpul	30	(12)	(1)	–
Tambahhan peruntukan manfaat persaraan	79	432	20	115
Opsyen-opsyen saham yang diberikan di bawah ESOS	1,117	1,070	1,117	1,070
Keuntungan operasi sebelum perubahan modal kerja	229,760	225,141	678	670
Pengurangan dalam penerimaan lain	4,741	35,118	2	–
Tambahhan/(pengurangan) dalam pembayaran lain	4,099	14,589	(34)	5
Pengurangan dalam hutang kepada syarikat-syarikat subsidiari	–	–	(395)	(40,821)
(Tambahhan)/pengurangan dalam hutang daripada sebuah entiti yang dikawal bersama	(1,197)	572	(1,185)	557
Pampasan Kerajaan diterima	–	75,000	–	–
Tunai dijana daripada/(digunakan dalam) operasi Cukai dibayar	237,403 (6,100)	350,420 (14,538)	(934) (3,527)	(39,589) (12,565)
Tunai bersih dijana daripada/(digunakan dalam) aktiviti-aktiviti operasi	231,303	335,882	(4,461)	(52,154)

Penyata Aliran Tunai

bagi tahun berakhir 31 Mac 2009 (samb.)

	Kumpulan		Syarikat	
	2009 RM'000	2008 RM'000	2009 RM'000	2008 RM'000
Aliran tunai daripada aktiviti-aktiviti pelaburan				
Bayaran bagi HDE	(42,958)	(20,392)	–	–
Bayaran bagi perbelanjaan baikpulih besar	(16,982)	(20,367)	–	–
Pembelian loji dan peralatan	(1,482)	(855)	–	(1)
Pembelian aset tidak ketara	(32)	(61)	–	–
Bayaran kos berhubung dengan pengambilan tanah	(132)	(93)	–	–
Faedah diterima	17,649	8,047	7,769	42,387
Bahagian keuntungan daripada kemudahan pelaburan Islam	1,759	2,071	–	–
Penebusan RULS oleh sebuah syarikat subsidiari	–	–	324,100	–
Dividen diterima	–	–	280,000	55,243
Kutipan daripada pelupusan loji dan peralatan	99	23	32	13
Pelaburan tambahan dalam entiti-entiti yang dikawal bersama	(25,000)	–	(25,000)	–
Tunai bersih (digunakan dalam)/dijana daripada aktiviti-aktiviti operasi	(67,079)	(31,627)	586,901	97,642
Aliran tunai daripada aktiviti-aktiviti pembiayaan				
Kutipan daripada terbitan saham-saham biasa melalui pelaksanaan ESOS	8,473	7,161	8,473	7,161
Bayaran balik modal	(459,995)	–	(459,995)	–
Penebusan Murabahah CP/MTN	–	(36,000)	–	–
Penebusan Bon Berjaminan Bank	(55,000)	(45,800)	–	–
Penebusan BAIDS Senior	(375,000)	(15,000)	–	–
Penebusan BAIDS Junior	(112,865)	–	–	–
Penebusan Bon Bersiri Kadar Tetap	(150,000)	–	–	–
Kutipan daripada penerbitan Sukuk Musyarakah IMTN	1,346,812	–	–	–
Faedah, elemen keuntungan dan yuran bagi kemudahan pembiayaan	(60,370)	(60,336)	–	–
Dividen dibayar	(158,689)	(36,320)	(158,689)	(36,320)
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti-aktiviti pembiayaan	(16,634)	(186,295)	(610,211)	(29,159)
Tambahan/(pengurangan) bersih dalam tunai dan setara tunai	147,590	117,960	(27,771)	16,329
Tunai dan setara tunai pada awal tahun	227,908	109,948	57,128	40,799
Tunai dan setara tunai pada akhir tahun (Nota 20)	375,498	227,908	29,357	57,128

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian penting daripada penyata kewangan ini

1. Maklumat Korporat

Syarikat merupakan sebuah syarikat awam liabiliti terhad, diperbadankan dan bermastautin di Malaysia, serta disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad. Pejabat berdaftar Syarikat terletak di Tingkat 2, Kompleks Operasi Litrak, KM 19 Lebuhraya Damansara-Puchong, Bandar Sunway PJS 9, 47500 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Aktiviti-aktiviti utama Syarikat adalah pegangan pelaburan dan penyediaan khidmat pengurusan kepada syarikat-syarikat subsidiari.

Aktiviti-aktiviti utama syarikat-syarikat subsidiari adalah merekabentuk, membina, mengendalikan dan menyenggara Lebuhraya Damansara-Puchong ("Lebuhraya") dan mengurus operasi tolnya berasaskan pengaturan seperti yang dinyatakan dalam Nota 34 kepada penyata kewangan, dan pegangan pelaburan.

Tiada sebarang perubahan ketara dalam bentuk aktiviti-aktiviti utama tersebut sepanjang tahun kewangan.

Penyata kewangan ini telah diluluskan untuk diterbitkan oleh Lembaga Pengarah menurut resolusi para pengarah pada 21 Mei 2009.

2. Dasar-dasar Perakaunan Penting

2.1 Asas Penyediaan

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat disediakan menurut kelaziman kos silam dan mematuhi peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan Piawaian Laporan Kewangan ("FRS") berkenaan di Malaysia. Pada tahun kewangan ini, Kumpulan dan Syarikat telah menerimapakai FRS baru dan disemak semula seperti yang dinyatakan dalam Nota 2.3.

Penyata kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM") dan semua nilai adalah digenapkan kepada ribu (RM'000) yang paling hampir kecuali ditunjukkan sebaliknya.

2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting

(a) Syarikat-syarikat Subsidiari dan Asas Penyatuan

(i) Syarikat-syarikat Subsidiari

Syarikat-syarikat subsidiari adalah entiti-entiti di mana Kumpulan mempunyai kuasa untuk mengawal dasar-dasar kewangan dan operasi bagi memperoleh manfaat daripada aktiviti-aktivitinya. Kewujudan dan kesan hak mengundi potensi yang boleh dilaksanakan buat masa ini atau boleh ditukar dipertimbangkan apabila menilai sama ada Kumpulan mempunyai kuasa sedemikian ke atas sesebuah entiti lain.

Di dalam penyata kewangan berasingan Syarikat, pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari dinyatakan pada kos ditolak kerugian kemerosotan nilai. Dasar pengiktirafan dan ukuran kerugian kemerosotan nilai adalah selaras dengan Nota 2.2(m). Apabila pelaburan sedemikian dilupuskan, perbezaan antara kutipan pelupusan bersih dan amaun dibawanya diambilkira ke dalam penyata pendapatan.

(ii) Asas Penyatuan

Penyata kewangan yang disatukan meliputi penyata kewangan Syarikat dan syarikat-syarikat subsidiarinya pada tarikh lembaran imbalan. Penyata kewangan syarikat-syarikat subsidiari adalah disediakan bagi tarikh laporan yang serentak dengan Syarikat.

Syarikat-syarikat subsidiari disatukan dari tarikh pengambilalihan, yang merupakan tarikh Kumpulan memperoleh kawalan dan terus disatukan sehingga tarikh kawalan tersebut tamat. Dalam menyediakan penyata kewangan yang disatukan, baki antara kumpulan, urusniaga dan keuntungan atau kerugian tidak direalisasi dihapuskan sepenuhnya. Dasar-dasar perakaunan seragam digunakan dalam penyata kewangan yang disatukan untuk urusniaga dan peristiwa yang sama dalam keadaan yang serupa.

2. Dasar-dasar Perakaunan Penting (samb.)

2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (samb.)

(a) Syarikat-syarikat Subsidiari dan Asas Penyatuan (samb.)

(ii) Asas Penyatuan (samb.)

Pengambilalihan syarikat-syarikat subsidiari diambilkira menggunakan kaedah belian. Kaedah belian dalam perakaunan melibatkan peruntukan kos pengambilalihan berbanding nilai saksama aset yang diambil dan liabiliti serta liabiliti luar jangka yang dipikul pada tarikh pengambilalihan. Kos pengambilalihan diukur sebagai agregat nilai saksama, pada tarikh pertukaran, aset yang diberi, liabiliti yang ditanggung atau dipikul, dan instrumen ekuiti yang diterbitkan, campur sebarang kos yang berkaitan secara langsung dengan pengambilalihan.

Sebarang lebihan kos pengambilalihan ke atas kepentingan Kumpulan dalam nilai saksama bersih aset, liabiliti dan liabiliti luar jangka yang boleh dikenal pasti dijelaskan sebagai muhibah.

Sebarang lebihan kepentingan Kumpulan dalam nilai saksama bersih aset, liabiliti dan liabiliti luar jangka ke atas kos pengambilalihan yang boleh dikenal pasti adalah diiktiraf dengan serta-merta dalam penyata pendapatan.

(b) Syarikat Bersekutu

Syarikat bersekutu adalah sebuah entiti di mana Kumpulan mempunyai pengaruh yang besar dan bukan merupakan syarikat subsidiari atau kepentingan dalam syarikat usahasama. Pengaruh besar adalah kuasa untuk mengambil bahagian dalam keputusan-keputusan dasar kewangan dan operasi syarikat yang dilabur tetapi bukan kawalan atau kawalan bersama ke atas dasar-dasar tersebut.

Pelaburan dalam syarikat bersekutu diambilkira dalam penyata kewangan yang disatukan melalui kaedah ekuiti perakaunan. Di bawah kaedah ekuiti, pelaburan dalam sesebuah syarikat bersekutu dibawa dalam lembaran imbalan disatukan pada kos yang dilaraskan bagi perubahan selepas pengambilalihan dalam bahagian aset bersih milik Kumpulan daripada syarikat bersekutu. Bahagian Kumpulan daripada keuntungan atau kerugian bersih syarikat bersekutu diiktiraf dalam penyata kewangan yang disatukan. Jika terdapat perubahan yang diiktiraf secara terus ekuiti syarikat bersekutu, Kumpulan mengiktiraf bahagiannya daripada perubahan tersebut. Dalam menggunakan kaedah ekuiti ini, keuntungan dan kerugian tidak direalisasi daripada urusan antara Kumpulan dan syarikat bersekutu dihapuskan setakat mana kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu berkenaan. Selepas penggunaan kaedah ekuiti, Kumpulan menentukan sama ada untuk mengiktiraf sebarang kerugian kemerosotan nilai tambahan berhubung dengan pelaburan bersih Kumpulan dalam syarikat bersekutu berkenaan. Syarikat bersekutu tersebut adalah diambilkira dari segi ekuiti bermula dari tarikh Kumpulan memperoleh pengaruh penting sehingga tarikh Kumpulan tidak lagi mempunyai pengaruh penting terhadap syarikat bersekutu.

Muhibah berkaitan dengan sebuah syarikat bersekutu diambilkira dalam amaun dibawa daripada pelaburan dan tidak dilunaskan. Sebarang lebihan bahagian Kumpulan daripada nilai saksama bersih aset, liabiliti dan liabiliti luar jangka syarikat bersekutu tersebut yang boleh dikenal pasti berbanding kos pelaburan dikecualikan daripada amaun dibawa daripada pelaburan. Sebaliknya, lebihan tersebut diambilkira sebagai pendapatan dalam penentuan bahagian Kumpulan daripada keuntungan atau kerugian syarikat bersekutu pada tempoh pelaburan tersebut diperolehi.

Apabila bahagian kerugian Kumpulan dalam sesebuah syarikat bersekutu bersamaan atau melebihi kepentingannya dalam syarikat bersekutu berkenaan, termasuk sebarang kepentingan jangka panjang yang pada dasarnya, merupakan sebahagian daripada pelaburan bersih Kumpulan dalam syarikat bersekutu, Kumpulan tidak mengiktiraf kerugian selanjutnya, melainkan ia menanggung obligasi atau membuat bayaran bagi pihak syarikat bersekutu tersebut.

Penyata kewangan diaudit terkini syarikat bersekutu digunakan oleh Kumpulan dalam menggunakan kaedah ekuiti. Jika tarikh penyata kewangan diaudit yang digunakan tidak serentak dengan Kumpulan, bahagian keputusan diperolehi daripada penyata kewangan diaudit terakhir yang tersedia dan penyata kewangan pengurusan hingga akhir tempoh perakaunan. Dasar perakaunan yang seragam diterimapai bagi urusan dan peristiwa dalam keadaan yang serupa.

2. Dasar-dasar Perakaunan Penting (samb.)

2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (samb.)

(b) Syarikat Bersekutu (samb.)

Dalam penyata kewangan berasingan Syarikat, pelaburan dalam syarikat bersekutu dinyatakan pada kos ditolak kerugian kemerosotan nilai. Dasar pengiktirafan dan ukuran kerugian kemerosotan nilai adalah selaras dengan Nota 2.2(m).

Semasa pelupusan pelaburan sedemikian, perbezaan antara kutipan pelupusan bersih dan amaun dibawahnya diambilkira dalam penyata pendapatan.

(c) Entiti-entiti Dikawal Bersama

Kumpulan mempunyai kepentingan dalam sebuah usahasama yang merupakan sebuah entiti yang dikawal bersama. Sebuah usahasama adalah perjanjian berkontrak di mana dua atau lebih pihak mengaku janji melaksanakan aktiviti ekonomi yang tertakluk kepada kawalan bersama, dan sebuah entiti yang dikawal bersama adalah usahasama yang melibatkan penubuhan sebuah entiti berasingan di mana setiap pihak mempunyai kepentingan.

Pelaburan dalam entiti-entiti yang dikawal bersama diambilkira dalam penyata kewangan yang disatukan melalui kaedah ekuiti perakaunan seperti yang dinyatakan dalam Nota 2.2(b).

Dalam penyata kewangan berasingan Syarikat, pelaburan dalam entiti-entiti yang dikawal bersama dinyatakan pada kos ditolak kerugian kemerosotan nilai. Dasar pengiktirafan dan ukuran kerugian kemerosotan nilai adalah selaras dengan Nota 2.2(m).

Semasa pelupusan pelaburan sedemikian, perbezaan antara kutipan pelupusan bersih dan amaun dibawahnya diambilkira dalam penyata pendapatan.

(d) Loji dan Peralatan, dan Susutnilai

Pada peringkat permulaan, semua item loji dan peralatan dicatat pada kos. Kos selanjutnya diambilkira dalam amaun dibawa aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan, mengikut kesesuaian, hanya apabila manfaat ekonomi masa hadapan yang berkaitan dengan perkara tersebut mungkin mengalir kepada Kumpulan dan kos perkara tersebut boleh dinilai dengan pasti. Amaun dibawa bahagian yang digantikan tidak diiktiraf. Semua baikpulih dan penyenggaraan dicaj kepada penyata pendapatan pada tempoh kewangan ia ditanggung.

Selepas pengiktirafan, loji dan peralatan dinyatakan pada kos ditolak susutnilai terkumpul dan sebarang kerugian kemerosotan nilai terkumpul. Dasar pengiktirafan dan ukuran kerugian kemerosotan nilai adalah selaras dengan Nota 2.2(m).

Susutnilai loji dan peralatan disediakan pada asas garis lurus untuk menghapuskira kos setiap aset kepada nilai sisanya atas anggaran hayat bergunanya mengikut kadar tahunan berikut:

Pengubahsuaian	33 1/3%
Perabot dan kelengkapan	20%
Peralatan pejabat	20%
Kenderaan bermotor	20%
Peralatan komputer	10%
Perkakasan dan peralatan operasi	20% hingga 33 1/3%

Kaedah nilai sisa, hayat berguna dan susutnilai disemak semula pada setiap akhir tahun kewangan bagi memastikan supaya amaun, kaedah dan tempoh susutnilai adalah seragam dengan anggaran yang lepas dan pola jangkaan penggunaan ekonomi masa hadapan yang terkandung dalam item loji dan peralatan.

Sesuatu item loji dan peralatan tidak diiktiraf apabila ia dilupus atau tidak ada manfaat ekonomi yang boleh dijangka daripada kegunaan atau pelupusannya. Perbezaan antara kutipan pelupusan bersih, jika ada dan amaun dibawa bersih adalah diiktiraf dalam penyata pendapatan dan bahagian yang belum digunakan daripada lebihan penilaian semula pada item tersebut dibawa terus kepada keuntungan terkumpul.

2. Dasar-dasar Perakaunan Penting (samb.)

2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (samb.)

(e) Perbelanjaan Pembangunan Lebu Raya (“HDE”)

Perbelanjaan pembangunan lebu raya (“HDE”) diukur pada permulaan pengiktirafan pada kos. Berikutan pengiktirafan permulaan, HDE dinyatakan pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian kemerosotan nilai terkumpul. Dasar pengiktirafan dan ukuran kerugian kemerosotan nilai adalah selaras dengan Nota 2.2(m). HDE meliputi perbelanjaan pembinaan dan pembangunan (termasuk caj faedah dan yuran berhubung dengan pembiayaan pembinaan dan pembangunan Lebu Raya) yang ditanggung berhubung dengan Konsesi. Apabila kerja pembinaan Lebu Raya siap dan operasi pengutipan tol bermula, pada setiap tarikh lembaran imbangan, perbelanjaan sebenar terkumpul dilunaskan kepada penyata pendapatan berasaskan kepada kaedah berikut:

$$\left\{ \begin{array}{l} \text{(Hasil Tol Sebenar} \\ \text{Terkumpul Hingga Kini)} \\ \text{(Unjuran Jumlah Hasil} \\ \text{Tol bagi Konsesi)} \end{array} \right\} \times \text{(HDE Sebenar} \\ \text{Terkumpul)} \left. \vphantom{\left\{ \begin{array}{l} \text{(Hasil Tol Sebenar} \\ \text{Terkumpul Hingga Kini)} \\ \text{(Unjuran Jumlah Hasil} \\ \text{Tol bagi Konsesi)} \end{array} \right\}} \right\} \text{Tolak} \quad \begin{array}{l} \text{Pelunasan} \\ \text{Terkumpul} \\ \text{pada awal} \\ \text{tahun kewangan} \end{array}$$

Unjuran jumlah hasil tol bagi Konsesi adalah berasaskan kepada volum trafik yang diunjurkan oleh sebuah firma perunding trafik profesional bebas dalam kajian unjuran yang dibuat oleh syarikat subsidiari berkenaan, dengan mengambilkira kadar tol yang ditetapkan di dalam Perjanjian Konsesi.

Kesan perubahan daripada anggaran telah diambilkira dalam pelunasan bagi tahun.

(f) Perbelanjaan Baikpulih Besar

Perbelanjaan baikpulih besar berkaitan dengan kos bagi memperbaiki sebarang mendapan dan pemulihan semula turapan di sepanjang Lebu Raya. Kos baikpulih besar dilunaskan mengikut garis lurus sepanjang tempoh 7 tahun bermula dari tarikh ia dibelanjakan, yang merupakan andaian hayat ekonomi kerja-kerja tersebut. Amaun dibawa bagi perbelanjaan baikpulih besar disemak semula bagi kemerosotan nilainya secara berkala. Dasar pengiktirafan dan ukuran kerugian kemerosotan nilai adalah selaras dengan Nota 2.2(m).

(g) Aset Tidak Ketara

Aset tidak ketara yang diperolehi secara berasingan diukur pada permulaan pengiktirafan pada kos. Berikutan pengiktirafan permulaan, aset tidak ketara dinyatakan pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian kemerosotan nilai terkumpul. Dasar pengiktirafan dan ukuran kerugian kemerosotan nilai adalah selaras dengan Nota 2.2(m). Hayat berguna aset tidak ketara ditaksirkan sama ada sebagai terhad atau tidak terhad. Aset tidak ketara dengan hayat terhad dilunaskan mengikut kaedah garis lurus sepanjang anggaran hayat berguna ekonomi dan kemerosotan nilai ditaksir apabila terdapat petunjuk bahawa aset tidak ketara tersebut berkemungkinan akan mengalami kemerosotan nilai.

Tempoh dan kaedah pelunasan bagi aset tidak ketara dengan hayat terhad disemak semula sekurang-kurangnya pada setiap tarikh lembaran imbangan.

Kadar pelunasan tahunan berikut digunakan:

Perisian komputer dan lesen	10%
-----------------------------	-----

(h) Hasil Tertunda

Hasil tertunda meliputi yang berikut:

- (i) yuran yang diterima daripada pihak ketiga bagi kegunaan kemudahan sampingan di sepanjang Lebu Raya, yang diiktiraf dalam penyata pendapatan berasaskan kaedah garis lurus sepanjang Tempoh Konsesi; dan
- (ii) pampasan yang diterima daripada Kerajaan bagi pelaksanaan kadar tol yang lebih rendah daripada yang ditetapkan di dalam Perjanjian Konsesi, yang dibawa kepada penyata pendapatan sepanjang tempoh pampasan berkenaan adalah selaras dengan pengaturan seperti yang dinyatakan dalam Nota 34.

2. Dasar-dasar Perakaunan Penting (samb.)

2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (samb.)

(i) Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila Kumpulan mempunyai kewajipan semasa disebabkan oleh peristiwa lampau dan berkemungkinan aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi diperlukan untuk menjelaskan kewajipan tersebut, dan satu anggaran amaun yang pasti boleh dibuat. Peruntukan disemak semula pada setiap tarikh lembaran imbangan dan dilaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa yang terkini. Apabila kesan nilai masa wang adalah ketara, peruntukan didiskaun menggunakan kadar sebelum cukai semasa, mengikut kesesuaian, risiko khusus kepada liabiliti. Jika diskaun digunakan, tambahan dalam peruntukan disebabkan laluan masa diiktiraf sebagai kos pembiayaan.

(j) Kos Pinjaman

Kos pinjaman yang berkaitan secara langsung dengan pengambilan, pembinaan atau pengeluaran aset yang layak, di mana aset berkenaan memerlukan masa yang agak lama untuk bersedia bagi tujuan penggunaan atau pelupusannya, ditambah kepada kos aset berkenaan, sehingga ke suatu masa kebanyakan aset berkenaan dapat memenuhi tujuan penggunaan atau jualan. Pendapatan pelaburan yang diperolehi daripada pelaburan sementara pinjaman tertentu sehingga perbelanjaannya ke atas aset yang layak adalah ditolak daripada kos pinjaman yang layak untuk dipermodalkan.

Semua kos pinjaman lain diiktiraf dalam penyata pendapatan dalam tempoh yang dibelanjakan.

(k) Cukai Pendapatan

Cukai pendapatan ke atas penyata pendapatan bagi tahun meliputi cukai semasa dan tertunda. Cukai semasa adalah jangkaan cukai yang akan dibayar ke atas pendapatan yang boleh dicukai bagi tahun dan dikira menggunakan kadar cukai yang berkuatkuasa pada tarikh lembaran imbangan.

Cukai tertunda diperuntukkan menggunakan kaedah liabiliti. Pada asasnya, liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara yang boleh dicukai dan aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara yang boleh mengurangkan cukai, kerugian cukai belum digunakan dan kredit cukai belum digunakan setakat mana keuntungan boleh dicukai akan tersedia daripada perbezaan sementara boleh dikurangkan, kerugian cukai dan kredit cukai yang belum digunakan boleh digunakan. Cukai tertunda tidak diiktiraf jika perbezaan sementara yang timbul daripada muhibah atau daripada pengiktirafan permulaan sesebuah aset atau liabiliti dalam urusniaga yang bukan merupakan gabungan perniagaan dan tidak menjejaskan sama ada keuntungan perakaunan atau keuntungan boleh dicukai pada waktu urusniaga tersebut.

Cukai tertunda dikira pada kadar cukai yang dijangka akan digunakan dalam tempoh apabila aset direalisasi atau liabiliti dijelaskan, berasaskan kepada kadar cukai yang dikuatkuasakan atau sebahagian besarnya dikuatkuasakan pada tarikh lembaran imbangan. Cukai tertunda diiktiraf sebagai pendapatan atau perbelanjaan dan diambilkira dalam penyata pendapatan bagi tempoh tersebut, kecuali apabila ia timbul daripada urusniaga yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti, yang mana dalam hal tersebut cukai tertunda berkenaan juga diiktiraf secara langsung dalam ekuiti, atau apabila ia timbul daripada gabungan perniagaan yang merupakan suatu pengambilalihan, yang mana dalam hal tersebut cukai tertunda diambilkira dalam muhibah yang terhasil atau amaun bagi sebarang lebihan kepentingan pihak yang melaksanakan pengambilalihan dalam nilai saksama bersih aset, liabiliti dan liabiliti luar jangka syarikat yang diambalalih tersebut yang dikenal pasti berbanding gabungan kos berkenaan.

(l) Pengiktirafan Hasil

Hasil diiktiraf setakat mana terdapat kemungkinan manfaat ekonomi akan mengalir kepada Kumpulan dan hasil tersebut boleh diukur dengan pasti. Kriteria pengiktirafan khusus berikut perlu dipenuhi sebelum hasil diiktiraf:

(i) Hasil tol

Hasil tol meliputi kutipan tol dan pampasan Kerajaan. Kutipan tol diambilkira apabila tol boleh dicaj bagi kegunaan Lebuh Raya.

Jumlah pampasan Kerajaan diiktiraf dalam penyata pendapatan bagi tahun selepas mengambilkira kesan pengaturian seperti yang dinyatakan dalam Nota 34.

2. Dasar-dasar Perakaunan Penting (samb.)

2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (samb.)

(l) Pengiktirafan Hasil (samb.)

(ii) Pendapatan dividen

Pendapatan dividen diiktiraf setelah hak Kumpulan untuk menerima dividen ditentukan.

(iii) Yuran pengurusan

Yuran pengurusan diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan.

(iv) Pendapatan faedah

Pendapatan faedah diiktiraf berasaskan pembahagian masa yang menggambarkan hasil berkesan daripada aset.

(v) Yuran lesen

Yuran lesen daripada penggunaan kemudahan sampingan di sepanjang Lebuh Raya diiktiraf berasaskan kaedah terakru.

(vi) Pendapatan pengiklanan

Pendapatan pengiklanan diiktiraf berasaskan kaedah terakru.

(m) Kemerosotan Nilai Aset Bukan Kewangan

Amaun dibawa aset, selain daripada aset cukai tertunda dan aset bukan semasa (atau pelupusan dalam kumpulan) yang dipegang untuk jualan, dikaji semula pada setiap tarikh lembaran imbangan bagi menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk kemerosotan nilai. Jika petunjuk sedemikian wujud, anggaran amaun aset yang boleh diperolehi semula dibuat untuk menentukan amaun kerugian kemerosotan nilai.

Bagi tujuan menguji kemerosotan nilai aset berkenaan, amaun yang boleh diperolehi semula ditentukan berasaskan aset secara berasingan melainkan jika aset berkenaan tidak menghasilkan aliran tunai yang benar-benar bebas daripada aset lain. Dalam keadaan ini, amaun yang boleh diperolehi semula bagi aset ditentukan menerusi unit penghasilan tunai ("CGU").

Amaun yang boleh diperolehi semula sesuatu aset adalah pada kadar yang lebih tinggi antara nilai saksama aset atau nilai saksama CGU ditolak kos jualan dan nilai kegunaannya. Dalam menaksir nilai kegunaannya, aliran tunai masa hadapan didiskaunkan kepada nilai semasanya menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan taksiran pasaran semasa daripada nilai masa bagi wang dan risiko yang tertentu ke atas aset berkenaan. Jika amaun dibawa sesuatu aset melebihi amaun boleh diperolehi semulanya, aset tersebut dianggap merosot nilai dan diturunkan nilainya kepada amaun yang boleh dikutip semula. Kerugian kemerosotan nilai diiktiraf berhubung dengan CGU atau kumpulan diperuntukkan terlebih dahulu untuk mengurangkan amaun dibawa sebarang muhibah yang diperuntukkan kepada unit-unit atau kumpulan unit tersebut dan kemudian, untuk mengurangkan amaun dibawa aset lain dalam unit atau kumpulan unit berasaskan sama rata (pro rata).

Kerugian kemerosotan nilai diiktiraf dalam penyata pendapatan pada tarikh ia timbul, melainkan jika aset berkenaan dibawa pada amaun yang dinilai semula, di mana kerugian kemerosotan nilai diambilkira sebagai pengurangan penilaian semula setakat mana kerugian kemerosotan nilai tidak melebihi amaun yang dipegang dalam rizab penilaian semula aset bagi aset yang sama.

Amaun dibawa sesuatu aset selain daripada muhibah ditambah kepada amaun boleh diperolehi yang disemak semula, dengan syarat amaun tersebut tidak melebihi amaun dibawa yang mungkin ditentukan (selepas ditolak pelunasan atau susutnilai) jika tiada kerugian kemerosotan nilai diiktiraf bagi aset tersebut pada tahun-tahun lepas. Pembalikan kerugian kemerosotan nilai bagi sesuatu aset selain daripada muhibah diiktiraf dalam penyata pendapatan, melainkan jika aset tersebut dibawa pada amaun yang dinilai semula, yang mana dalam keadaan itu, pembalikan berkenaan dianggap sebagai peningkatan dalam penilaian semula.

2. Dasar-dasar Perakaunan Penting (samb.)

2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (samb.)

(n) Manfaat Pekerja

(i) Manfaat jangka pendek

Gaji, bonus dan caruman keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja Kumpulan. Pampasan ketidakhadiran terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan diberi oleh pekerja yang menambah kelayakan mereka untuk mendapatkan pampasan ketidakhadiran pada masa hadapan, manakala pampasan ketidakhadiran yang tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketidakhadiran tersebut berlaku.

(ii) Pelan caruman bertakrif

Pelan caruman bertakrif merupakan pelan di mana Kumpulan membuat caruman tetap ke dalam entiti atau dana berasingan dan tidak lagi mempunyai kewajipan perundangan atau membina untuk membayar caruman selanjutnya jika mana-mana tabung tersebut tidak mempunyai aset yang mencukupi untuk membayar semua manfaat pekerja berkaitan dengan perkhidmatan pekerja pada tahun semasa dan tahun-tahun terdahulu. Caruman tersebut diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam penyata pendapatan apabila ditanggung. Seperti yang dikehendaki oleh undang-undang, syarikat di Malaysia membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP").

(iii) Pelan manfaat bertakrif

Kumpulan mengendalikan sebuah Skim Manfaat Persaraan tanpa pembiayaan ("Skim") bagi pekerjaanya yang layak. Obligasi Kumpulan di bawah Skim ini, dikira dengan menggunakan Kaedah Kredit Unit Yang Diunjur, ditentu berasaskan kepada pengiraan aktuari oleh aktuari bebas, yang mana jumlah manfaat yang diperolehi pekerja sebagai ganjaran untuk perkhidmatan mereka bagi tempoh semasa dan tahun-tahun sebelumnya dianggarkan. Manfaat didiskaunkan bagi menentukan nilai semasa.

Kadar yang digunakan untuk mendiskaun obligasi manfaat pasca pekerjaan ditentukan dengan merujuk kepada hasil pasaran pada tarikh lembaran imbangan.

(iv) Pampasan berasaskan saham

Skim Opsyen Saham Pekerja ("ESOS") Syarikat, merupakan pelan pampasan penjelasan ekuiti, berasaskan saham yang membolehkan pekerja-pekerja dan pengarah-pengarah yang layak dalam Kumpulan untuk membeli saham-saham biasa Syarikat.

Jumlah nilai saksama opsyen saham yang diberi kepada pekerja-pekerja dan pengarah-pengarah yang layak diiktiraf sebagai kos pekerja dengan kenaikan sejajar dalam rizab opsyen saham dalam ekuiti sepanjang tempoh pemberian hak dan mengambilkira kemungkinan opsyen tersebut akan diberi hak. Nilai saksama opsyen saham diukur pada tarikh pemberian, mengambilkira jika ada, keadaan pemberian di pasaran semasa opsyen diberi tetapi tidak merangkumi sebarang kesan keadaan pemberian bukan pasaran. Keadaan pemberian bukan pasaran meliputi andaian bilangan opsyen yang dijangka boleh dilaksanakan pada tarikh pemberian.

Pada setiap tarikh lembaran imbangan, Kumpulan menyemak semula anggaran mengenai bilangan opsyen yang dijangka akan dilaksanakan pada tarikh pemberian. Pengiktirafan kesan semakan semula anggaran asal, jika ada, dalam penyata pendapatan, dan pelarasan yang sejajar kepada ekuiti sepanjang baki tempoh pemberian. Jumlah ekuiti diiktiraf dalam rizab opsyen saham sehingga opsyen tersebut dilaksanakan, iaitu apabila ia dipindahkan kepada premium saham, atau sehingga tempoh opsyen tamat, yang mana pada masa itu, ia akan dipindahkan terus ke dalam keuntungan terkumpul.

Kutipan yang diterima selepas ditolak sebarang kos urusan langsung berkaitan dengan kos pembelian dikreditkan kepada ekuiti apabila opsyen dilaksanakan.

2. Dasar-dasar Perakaunan Penting (samb.)

2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (samb.)

(o) Instrumen Kewangan

Instrumen kewangan diiktiraf dalam lembaran imbangan apabila Kumpulan menjadi salah satu pihak kepada peruntukan kontrak instrumen berkenaan. Instrumen kewangan dikelaskan sebagai liabiliti atau ekuiti menurut perjanjian kontrak tersebut.

Faedah, dividen, keuntungan dan kerugian berkaitan dengan instrumen kewangan dikelaskan sebagai liabiliti, dilaporkan sebagai perbelanjaan atau pendapatan. Pengagihan kepada pemegang instrumen kewangan yang dikelaskan sebagai ekuiti dicaj terus kepada ekuiti. Instrumen kewangan diimbangi apabila Kumpulan mempunyai hak yang boleh dikuatkuasakan dari segi perundangan bagi mengimbangi dan bertujuan untuk menyelesaikan sama ada pada asas bersih atau menjual aset dan menjelaskan liabiliti secara serentak.

(i) Tunai dan setara tunai

Untuk tujuan penyata aliran tunai, tunai dan setara tunai meliputi wang tunai dalam tangan dan bank, deposit panggilan dan pelaburan jangka pendek berkecairan tinggi yang mempunyai risiko perubahan nilai yang tidak ketara, yang mana baki overdraf ditolak, jika ada.

(ii) Pelaburan lain bukan semasa

Pelaburan lain bukan semasa adalah selain daripada pelaburan-pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari, syarikat bersekutu dan entiti dikawal bersama dinyatakan pada kos ditolak kerugian kemerosotan nilai. Dasar pengiktirafan dan ukuran kerugian kemerosotan nilai adalah selaras dengan Nota 2.2(m).

Semasa pelupusan sesuatu pelaburan, perbezaan antara hasil bersih pelupusan dan amaun dibawanya adalah diiktiraf dalam penyata pendapatan.

(iii) Sekuriti-sekuriti yang boleh dipasarkan

Sekuriti-sekuriti yang boleh dipasarkan dibawa pada nilai yang lebih rendah antara kos dan nilai pasaran, ditentukan mengikut asas agregat. Kos ditentukan mengikut asas purata berwajaran sementara nilai pasaran ditentukan mengikut nilai sebut harga pasaran. Tambahan atau pengurangan dalam amaun dibawa sekuriti-sekuriti yang boleh dipasarkan adalah diiktiraf dalam penyata pendapatan. Semasa pelupusan sekuriti-sekuriti yang boleh dipasarkan, perbezaan antara hasil pelupusan bersih dan amaun dibawanya adalah diiktiraf dalam penyata pendapatan.

(iv) Penerimaan lain

Penerimaan lain dibawa pada nilai boleh realisasi yang dijangka. Hutang lapuk dihapuskan apabila dikenal pasti. Anggaran dibuat bagi hutang ragu berasaskan kajian semua jumlah tertunggak pada tarikh lembaran imbangan.

(v) Pembayaran lain

Pembayaran lain dinyatakan pada nilai saksama pertimbangan yang akan dibuat pada masa hadapan bagi barangan dan perkhidmatan yang diterima.

(vi) Pinjaman dan peminjaman berasaskan faedah

Semua pinjaman dan peminjaman pada permulaan diiktiraf pada nilai saksama pertimbangan yang diterima ditolak kos urusan niaga yang berkaitan secara langsung. Selepas pengiktirafan permulaan, pinjaman berasaskan faedah kemudiannya diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan.

(vii) Nota-nota Tempoh Sederhana Sukuk Musyarakah ("IMTN")

IMTN diterbitkan di bawah prinsip Islam Musyarakah yang merupakan kontrak perkongsian dalam sebuah usaha niaga.

2. Dasar-dasar Perakaunan Penting (samb.)

2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (samb.)

(o) Instrumen Kewangan (samb.)

(vii) Nota-nota Tempoh Sederhana Sukuk Musyarakah (“IMTN”) (samb.)

IMTN pada permulaannya dinyatakan pada kos, yang merupakan nilai saksama pertimbangan yang diterima. Selepas pengiktirafan permulaan, perbezaan antara nilai saksama dan nilai nominal diiktiraf sebagai perbelanjaan dan ditambah nilai kepada nilai pokok pada caj tahunan yang sama rata sehingga tarikh matang setiap siri. Keuntungan yang dijana daripada usaha niaga tersebut, iaitu yang diagihkan setiap setengah tahun, diiktiraf sebagai perbelanjaan. Maklumat seterusnya mengenai terbitan IMTN dinyatakan dalam Nota 26(a).

(viii) Kertas-kertas Komersial Sukuk Musyarakah / Nota-nota Tempoh Sederhana (“ICP/MTN”)

ICP/MTN adalah kemudahan pinjaman tujuh tahun yang diterbitkan menurut konsep pembiayaan Islam Musyarakah yang merupakan kontrak perkongsian dalam sebuah usaha niaga.

ICP/MTN pada permulaannya dinyatakan pada kos, yang merupakan nilai saksama pertimbangan yang diterima. Selepas pengiktirafan permulaan, perbezaan antara nilai saksama dan nilai nominal diiktiraf sebagai perbelanjaan dan ditambah nilai kepada nilai pokok pada caj tahunan yang sama rata sehingga tarikh matang setiap siri. Maklumat seterusnya mengenai terbitan ICP/MTN dinyatakan dalam Nota 26(b).

(ix) Instrumen ekuiti

Saham biasa dikelaskan sebagai ekuiti. Dividen daripada saham-saham biasa diiktiraf dalam ekuiti pada tempoh ia diisytiharkan.

Kos urusaniaga sesuatu urusaniaga ekuiti diambilkira sebagai potongan daripada ekuiti, selepas ditolak cukai. Kos urusaniaga ekuiti meliputi kos-kos luaran yang berkaitan secara langsung dengan urusaniaga ekuiti yang sebaliknya boleh dielakkan.

2.3 Piawaian Laporan Kewangan Baru dan Disemak Semula (“FRS”)

Pada 1 April 2008, Kumpulan dan Syarikat telah menerimapakai FRS disemak semula, Pindaan kepada FRS dan Interpretasi-interpretasi seperti berikut:

FRS 107	Penyata Aliran Tunai
FRS 111	Kontrak Pembinaan
FRS 112	Cukai Pendapatan
FRS 118	Hasil
FRS 120	Perakaunan bagi Geran Kerajaan dan Pendedahan Bantuan Kerajaan
FRS 134	Laporan Kewangan Interim
FRS 137	Peruntukan, Liabiliti Kontingen dan Aset Kontingen
Pindaan kepada FRS 121	Kesan Perubahan dalam Kadar Tukaran Asing – Pelaburan Bersih dalam Operasi Asing
Interpretasi IC 1	Perubahan dalam Penamatan Operasi Sedia Ada, Penyimpanan dan Liabiliti Serupa
Interpretasi IC 2	Saham Ahli dalam Entiti Ko-operatif dan Instrumen-instrumen Serupa
Interpretasi IC 5	Hak kepada Faedah yang timbul daripada Penamatan Operasi, Pemulihan dan Dana Pemulihan Alam Sekitar
Interpretasi IC 6	Liabiliti yang timbul daripada Penyertaan dalam Pasaran Tertentu – Sisa-sisa Elektrikal dan Peralatan Elektronik
Interpretasi IC 7	Menggunakan Pendekatan Penyata Semula di bawah FRS 129 Laporan Kewangan dalam Ekonomi Berinflasi Melampau
Interpretasi IC 8	Skop FRS 2

FRS yang disemak semula, Pindaan kepada FRS dan Interpretasi-interpretasi di atas tidak memberi sebarang kesan ketara ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat.

2.4 Piawaian dan Interpretasi yang Dikeluarkan tetapi Masih Belum Dikuatkuasakan

Pada tarikh penyata kewangan ini dikuatkuasakan, FRS, Pindaan kepada FRS dan Interpretasi-interpretasi baru berikut telah dikeluarkan tetapi masih belum dikuatkuasakan dan belum diterimapakai oleh Kumpulan dan Syarikat:

2. Dasar-dasar Perakaunan Penting (samb.)

2.4 Piawaian dan Interpretasi yang Dikeluarkan tetapi Masih Belum Dikuatkuasakan (samb.)

FRS, Pindaan kepada FRS dan Interpretasi-interpretasi		Berkuatkuasa bagi tempoh kewangan bermula pada atau selepas
FRS 4	Kontrak Insurans	1 Januari 2010
FRS 7	Instrumen Kewangan: Pendedahan	1 Januari 2010
FRS 8	Segmen Operasi	1 Julai 2009
FRS 123	Kos Pinjaman	1 Januari 2010
FRS 139	Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Ukuran	1 Januari 2010
Pindaan kepada FRS 2	Pembayaran berasaskan Bahagian: Syarat dan Pembatalan berasaskan Kepentingan	1 Januari 2010
Pindaan kepada FRS 1 dan FRS 127	Penggunaan kali pertama bagi Piawaian Laporan Kewangan dan Penyata Kewangan Disatukan dan Berasingan: Kos sebuah Pelaburan dalam Syarikat Subsidiari, Entiti yang Dikawal Bersama atau Syarikat Bersekutu	1 Januari 2010
Interpretasi IC 9	Penilaian Semula Derivatif Tersirat	1 Januari 2010
Interpretasi IC 10	Laporan Kewangan Interim dan Kemosotan Nilai	1 Januari 2010
Interpretasi IC 11	FRS 2 - Urusniaga Kumpulan dan Saham Perbendaharaan	1 Januari 2010
Interpretasi IC 13	Program Kesetiaan Pelanggan	1 Januari 2010
Interpretasi IC 14	FRS 119 - Had ke atas Aset Manfaat Bertakrif, Keperluan Pembiayaan Minimum dan Interaksinya	1 Januari 2010

FRS, Pindaan kepada FRS dan Interpretasi-interpretasi baru di atas dijangka tidak memberi kesan ketara ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat pada permulaan penggunaannya.

Kumpulan dan Syarikat adalah dikecualikan daripada pendedahan kesan yang mungkin berlaku ke atas penyata kewangan selepas permulaan penggunaan FRS 7 dan FRS 139.

2.5 Anggaran Perakaunan Penting

Sumber Utama Anggaran yang Tidak Dapat Dipastikan

Andaian utama berkaitan dengan masa hadapan dan sumber-sumber utama lain yang tidak dapat dipastikan pada tarikh lembaran imbalan, yang mempunyai risiko penting menyebabkan pelarasan material kepada amaun dibawa aset dan liabiliti dalam tahun kewangan berikut, dibincangkan seperti di bawah.

(i) Bayaran berasaskan saham kepada pekerja-pekerja

Kos untuk menyediakan bayaran berasaskan saham kepada pekerja-pekerja dan pengarah-pengarah telah dicaj kepada penyata pendapatan sepanjang tempoh pemberian hak opsyen saham berkaitan. Kosnya adalah berasaskan kepada nilai saksama opsyen dan bilangan opsyen yang dijangka akan diberi hak. Nilai saksama setiap opsyen ditentu menggunakan model binomial.

(ii) Pelunasan perbelanjaan baikpulih besar

Kos perbelanjaan baikpulih besar dilunaskan berasaskan garis lurus sepanjang hayat berguna aset. Pihak pengurusan menganggarkan bahawa hayat berguna perbelanjaan baikpulih besar adalah dalam lingkungan 7 tahun. Ini merupakan jangkaan hayat lazim yang digunakan dalam industri. Perubahan jangkaan tahap penggunaan dan kemajuan teknologi boleh memberi kesan kepada hayat berguna ekonomi dan nilai sisa aset-aset ini, yang mana caj pelunasan masa hadapan boleh disemak semula.

(iii) Pelunasan perbelanjaan pembangunan lebuhraya ("HDE")

Kos HDE dilunaskan sepanjang Tempoh Konsesi dengan menggunakan formula dalam Nota 2.2(e). Denominasi formula tersebut meliputi unjuran jumlah hasil tol bagi Konsesi dan berasaskan kepada unjuran volum trafik kes asas terkini yang disediakan oleh perunding trafik bebas didarab dengan kadar tol menurut perjanjian yang dinyatakan dalam Nota 34. Untuk memperolehi unjuran volum trafik, ia turut mengambilkira kadar pertumbuhan berasaskan keadaan pasaran dan ekonomi semasa. Perubahan dalam jangkaan volum trafik boleh menjejaskan caj pelunasan masa hadapan.

2. Dasar-dasar Perakaunan Penting (samb.)

2.5 Anggaran Perakaunan Penting (samb.)

(iv) Aset-aset cukai tertunda

Aset-aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua kerugian cukai yang belum diguna dan elaun modal tidak terserap setakat mana keuntungan masa hadapan yang boleh dicukai akan tersedia yang mana kerugian dan elaun modal boleh digunakan. Pertimbangan menyeluruh pihak pengurusan adalah diperlukan untuk menentukan amaun aset cukai tertunda boleh diiktiraf, berasaskan kepada tahap keuntungan boleh dicukai masa hadapan bersama-sama dengan strategi perancangan cukai masa hadapan. Jumlah nilai dibawa kerugian cukai yang belum diguna dan elaun modal tidak terserap Kumpulan yang diiktiraf adalah sebanyak RM134,288,000 (2008: RM210,045,000).

(v) Pelaburan dalam entiti-entiti yang dikawal bersama

Pelaburan ini dibuat oleh Kumpulan untuk tujuan perniagaan strategik jangka panjang.

Amaun dibawa pelaburan ini telah diuji untuk menentukan kemerosotan nilai pada tarikh lembaranimbangan dengan menaksir nilai kegunaan yang mana aliran tunai masa hadapan dianggap akan didiskaunkan kepada nilai semasanya. Anggaran ini memberi taksiran yang munasabah untuk pengiraan amaun yang boleh diperolehi semula.

3. Hasil

	Kumpulan		Syarikat	
	2009 RM'000	2008 RM'000	2009 RM'000	2008 RM'000
Hasil tol	293,587	288,705	–	–
Yuran pengurusan	–	–	1,376	1,491
Pendapatan pengiklanan	2,191	2,576	–	–
Yuran lesen	1,562	1,562	–	–
Lain-lain	201	190	–	–
Pendapatan dividen daripada syarikat-syarikat subsidiari	–	–	280,000	55,243
	297,541	293,033	281,376	56,734

Hasil tol meliputi amaun sebanyak RM36,135,000 (2008: RM34,952,000) yang merupakan tuntutan pampasan sebuah syarikat subsidiari daripada Kerajaan bagi tahun kewangan semasa berhubung penguatkuasaan kadar tol yang lebih rendah daripada Perjanjian Konsesi selepas mengambilkira pengaturan seperti yang dijelaskan selanjutnya dalam Nota 34.

4. Perbelanjaan Manfaat Pekerja

	Kumpulan		Syarikat	
	2009 RM'000	2008 RM'000	2009 RM'000	2008 RM'000
Gaji	8,743	7,954	698	688
Ganjaran pengarah tidak termasuk anggaran nilai kewangan manfaat barangan (Nota 6)	485	583	485	583
Tambahan/(pengurangan) dalam peruntukan pampasan ketidakhadiran jangka pendek terkumpul	30	(12)	(1)	–
Kos pencen				
– Pelan caruman bertakrif	1,120	1,030	84	83
– Pelan manfaat bertakrif (Nota 27)	79	432	20	115
Opsyen-opsyen saham yang diberikan di bawah ESOS	751	594	81	33
Caruman keselamatan sosial	166	153	5	5
Manfaat-manfaat lain	3,552	3,297	159	163
	14,926	14,031	1,531	1,670

Termasuk dalam perbelanjaan manfaat pekerja Kumpulan dan Syarikat ialah ganjaran pengarah eksekutif masing-masing berjumlah RM125,000 (2008: RM123,000) dan RM125,000 (2008: RM123,000) seperti yang dijelaskan selanjutnya dalam Nota 6.

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

– 31 Mac 2009

5. Pendapatan Lain

	Kumpulan		Syarikat	
	2009 RM'000	2008 RM'000	2009 RM'000	2008 RM'000
Pendapatan faedah				
– Deposit tetap	17,688	8,143	6,130	1,943
– RULS	–	–	1,554	40,512
Bahagian keuntungan daripada kemudahan pelaburan Islam	1,536	2,104	–	–
Lain-lain	18	16	–	–
	19,242	10,263	7,684	42,455

6. Ganjaran Para Pengarah

	Kumpulan		Syarikat	
	2009 RM'000	2008 RM'000	2009 RM'000	2008 RM'000
Para Pengarah Syarikat				
Eksekutif:				
Gaji dan emolumen lain	125	123	125	123
Opsyen-opsyen saham yang diberikan di bawah ESOS	62	–	62	–
Anggaran nilai kewangan manfaat barangan	1	1	1	1
	188	124	188	124
Bukan eksekutif:				
Yuran	235	233	235	233
Opsyen-opsyen saham yang diberikan di bawah ESOS	–	167	–	167
Emolumen lain	63	60	63	60
	298	460	298	460
Ganjaran pengarah bukan eksekutif (Nota 8)	19	27	19	27
	317	487	317	487
Jumlah ganjaran pengarah termasuk anggaran nilai kewangan manfaat barangan	505	611	505	611
Analisis tidak termasuk anggaran nilai kewangan manfaat barangan:				
Jumlah ganjaran pengarah eksekutif	187	123	187	123
Jumlah ganjaran pengarah bukan eksekutif	298	460	298	460
Jumlah ganjaran pengarah (Nota 4)	485	583	485	583

Bilangan para pengarah Syarikat di mana jumlah ganjaran di sepanjang tahun kewangan termasuk dalam lingkungan berikut dianalisis seperti di bawah:

	Bilangan pengarah	
	2009	2008
Pengarah eksekutif:		
RM100,001 hingga RM150,000	1	1
	1	1
Pengarah bukan eksekutif:		
RM50,000 dan ke bawah	4	4
RM50,001 hingga RM100,000	2	2
RM100,001 hingga RM150,000	–	–
RM150,001 hingga RM200,000	–	–
RM200,001 hingga RM250,000	1	1
	7	7
Jumlah	8	8

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

– 31 Mac 2009

7. Kos Pembiayaan

	Kumpulan	
	2009	2008
	RM'000	RM'000
Perbelanjaan faedah bagi Bon Berjaminan Bank	166	5,922
Perbelanjaan faedah bagi Bon Bersiri Kadar Tetap	462	11,281
Elemen keuntungan bagi BAIDS	1,449	38,787
Elemen keuntungan bagi Murabahah CP/MTN	198	6,161
Elemen keuntungan IMTN	86,293	–
Keuntungan yang timbul daripada penebusan BAIDS Junior	(6,640)	–
Lain-lain	378	1,792
	82,306	63,943

8. Keuntungan Sebelum Cukai

	Kumpulan		Syarikat	
	2009	2008	2009	2008
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Amaun-amaun berikut telah diambil kira dalam pengiraan keuntungan sebelum cukai:				
Ganjaran pengarah bukan eksekutif (Nota 6)	298	460	298	460
Ganjaran juruaudit	143	159	23	26
– Audit berkanun				
– tahun semasa	48	48	18	18
– kurangan peruntukan pada tahun lepas	–	6	–	3
– Perkhidmatan-perkhidmatan lain	95	105	5	5
Pelunasan HDE (Nota 11)	34,438	38,394	–	–
Pelunasan perbelanjaan baikpulih besar (Nota 12)	5,123	1,886	–	–
Susutnilai loji dan peralatan (Nota 13)	1,498	1,375	7	7
Pelunasan aset tidak ketara (Nota 14)	101	157	–	–
Loji dan peralatan dihapuskan (Nota 13)	13	11	–	–
Keuntungan daripada pelupusan loji dan peralatan	(89)	(23)	(32)	(13)
Hutang lapuk dihapuskan	–	32	–	–
Yuran lesen	(201)	(190)	–	–
Hasil tertunda diiktiraf (Nota 24)	(37,446)	(36,507)	–	–

9. Perbelanjaan Cukai Pendapatan

	Kumpulan		Syarikat	
	2009	2008	2009	2008
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Cukai pendapatan Malaysia:				
Cukai pendapatan semasa	4,493	13,220	2,261	11,186
Kurangan/(lebih) peruntukan pada tahun-tahun lepas	199	(163)	200	(162)
	4,692	13,057	2,461	11,024
Cukai tertunda (Nota 25):				
Berkaitan dengan asal dan pembalikan perbezaan sementara	38,193	29,806	–	–
Berkaitan dengan perubahan kadar cukai	–	(4,861)	–	–
Kurangan/(lebih) peruntukan pada tahun lepas	4	(53)	–	–
	38,197	24,892	–	–
Jumlah perbelanjaan cukai pendapatan	42,889	37,949	2,461	11,024

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

– 31 Mac 2009

9. Perbelanjaan Cukai Pendapatan (samb.)

Cukai pendapatan semasa dikira pada kadar cukai berkanun sebanyak 25% (2008: 26%) daripada anggaran keuntungan taksiran bagi tahun ini. Pada tahun lepas, beberapa syarikat subsidiari tertentu Syarikat, sebagai syarikat yang bermastautin di Malaysia dengan modal berbayar sebanyak RM2.5 juta atau kurang telah layak untuk kadar cukai keutamaan di bawah Perenggan 2A, Jadual 1 Akta Cukai Pendapatan, 1967 seperti berikut:

Pada RM500,000 pendapatan bercukai : 20%
Melebihi RM500,000 pendapatan bercukai : 26%

Walau bagaimanapun, menurut Perenggan 2B, Jadual 1 Akta Cukai Pendapatan, 1967 yang diperkenalkan berkuatkuasa pada tahun taksiran 2009, syarikat-syarikat subsidiari tersebut tidak lagi layak bagi kadar cukai keutamaan di atas.

Penyesuaian perbelanjaan cukai pendapatan berkenaan bagi keuntungan sebelum cukai pada kadar cukai pendapatan berkanun dengan perbelanjaan cukai pendapatan pada kadar cukai efektif Kumpulan dan Syarikat adalah seperti berikut:

	2009 RM'000	2008 RM'000
Kumpulan		
Keuntungan sebelum cukai	145,028	142,744
Cukai pada kadar cukai berkanun Malaysia 25% (2008: 26%)	36,257	37,113
Kesan perubahan kadar cukai pada baki permulaan cukai tertunda	–	(4,861)
Cukai tertunda diiktiraf pada kadar cukai berbeza	–	(1,192)
Perbelanjaan tidak dibenarkan bagi tujuan cukai	2,450	3,511
Aset cukai tertunda tidak diiktiraf	3,979	3,594
Kurangan/(lebih) peruntukan perbelanjaan cukai pada tahun-tahun lepas	199	(163)
Kurangan/(lebih) peruntukan cukai tertunda pada tahun lepas	4	(53)
Perbelanjaan cukai pendapatan bagi tahun	42,889	37,949
Syarikat		
Keuntungan sebelum cukai	287,251	97,189
Cukai pada kadar cukai berkanun Malaysia 25% (2008: 26%)	71,813	25,269
Pendapatan tidak tertakluk kepada cukai	(70,000)	(14,243)
Perbelanjaan tidak boleh ditolak untuk tujuan cukai	448	160
Kurangan/(lebih) peruntukan perbelanjaan cukai pada tahun lepas	200	(162)
Perbelanjaan cukai pendapatan bagi tahun	2,461	11,024

10. Pendapatan Sesaham

(a) Asas

Pendapatan sesaham asas dikira dengan membahagikan keuntungan Kumpulan tahun semasa milik pemegang ekuiti biasa Syarikat dengan bilangan purata berwajaran saham biasa dalam terbitan pada tahun kewangan semasa.

	Kumpulan	
	2009 RM'000	2008 RM'000
Keuntungan bagi tahun	102,139	104,795
Bilangan purata berwajaran saham biasa dalam terbitan	'000 494,548	'000 490,658
Pendapatan sesaham asas	Sen 20.65	Sen 21.36

10. Pendapatan Sesaham (samb.)

(b) Cair

Bagi tujuan pengiraan pendapatan sesaham cair, keuntungan Kumpulan tahun semasa milik pemegang ekuiti biasa Syarikat dan bilangan purata berwajaran saham biasa dalam terbitan pada tahun kewangan semasa telah dilaraskan untuk kesan potensi kecairan semua saham biasa berikutan penukaran ESOS. Bilangan purata berwajaran saham biasa yang dilaraskan ialah bilangan purata berwajaran saham biasa dalam terbitan pada tahun kewangan ditambah dengan bilangan purata berwajaran saham biasa yang akan diterbitkan bagi penukaran sepenuhnya baki ESOS kepada saham biasa. ESOS dianggap telah ditukar kepada saham-saham biasa pada tarikh terbitan ESOS.

	Kumpulan	
	2009	2008
	RM'000	RM'000
Keuntungan bagi tahun	102,139	104,795
Bilangan purata berwajaran saham biasa dalam terbitan	494,548	490,658
Pelarasan bagi:		
Saham-saham yang dianggap diterbitkan daripada pelaksanaan ESOS	640	1,925
Pelarasan bilangan purata berwajaran saham-saham biasa dalam terbitan dan boleh diterbitkan	495,188	492,583
Pendapatan sesaham cair	Sen 20.63	Sen 21.27

11. Perbelanjaan Pembangunan Lebuh Raya ("HDE")

	Kumpulan	
	2009	2008
	RM'000	RM'000
Kos		
Pada awal tahun	1,715,569	1,695,750
Tambahan	38,153	19,819
Pada akhir tahun	1,753,722	1,715,569
Pelunasan terkumpul		
Pada awal tahun	177,662	139,268
Pelunasan bagi tahun semasa (Nota 8)	34,438	38,394
Pada akhir tahun	212,100	177,662
Amaun dibawa bersih		
Pada akhir tahun	1,541,622	1,537,907

Semua perbelanjaan pembangunan lebuh raya sebuah syarikat subsidiari telah dicagarkan bagi kemudahan pembiayaan seperti yang dinyatakan dalam Nota 26.

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

– 31 Mac 2009

12. Perbelanjaan Baikpulih Besar

	Kumpulan	
	2009	2008
	RM'000	RM'000
Kos		
Pada awal tahun	28,627	9,717
Tambahan	21,721	18,910
Pada akhir tahun	50,348	28,627
Pelunasan terkumpul		
Pada awal tahun	4,822	2,936
Pelunasan bagi tahun (Nota 8)	5,123	1,886
Pada akhir tahun	9,945	4,822
Amaun dibawa bersih		
Pada akhir tahun	40,403	23,805

Semua perbelanjaan baikpulih besar sebuah syarikat subsidiari telah dicagarkan bagi kemudahan pembiayaan seperti yang dinyatakan dalam Nota 26.

13. Loji dan Peralatan

Kumpulan

	Pengubahsuaian	Perabot dan kelengkapan	Peralatan pejabat	Perkakasan dan peralatan operasi	Kenderaan bermotor	Peralatan komputer	Jumlah
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Pada 31 Mac 2009							
Kos							
Pada 1 April 2008	716	1,344	2,482	2,635	5,507	1,826	14,510
Tambahan	19	76	176	13	1,188	10	1,482
Pelupusan	–	–	–	(14)	(712)	–	(726)
Hapuskira	–	(32)	(99)	(15)	–	–	(146)
Pada 31 Mac 2009	735	1,388	2,559	2,619	5,983	1,836	15,120
Susutnilai terkumpul							
Pada 1 April 2008	650	1,070	2,120	2,511	4,491	640	11,482
Caj bagi tahun (Nota 8)	41	128	187	82	889	171	1,498
Pelupusan	–	–	–	(11)	(705)	–	(716)
Hapuskira	–	(25)	(95)	(13)	–	–	(133)
Pada 31 Mac 2009	691	1,173	2,212	2,569	4,675	811	12,131
Amaun dibawa bersih	44	215	347	50	1,308	1,025	2,989

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

– 31 Mac 2009

13. Loji dan Peralatan (samb.)

Kumpulan

	Pengubahsuaian RM'000	Perabot dan kelengkapan RM'000	Peralatan pejabat RM'000	Perkakasan dan peralatan operasi RM'000	Kenderaan bermotor RM'000	Peralatan komputer RM'000	Jumlah RM'000
--	--------------------------	---	--------------------------------	--	---------------------------------	---------------------------------	------------------

Pada 31 Mac 2008

Kos

Pada 1 April 2007	620	1,225	2,391	2,607	5,354	1,813	14,010
Tambahan	97	134	207	68	336	13	855
Pelupusan	–	–	(10)	–	(183)	–	(193)
Hapuskira	(1)	(15)	(106)	(40)	–	–	(162)
Pada 31 Mac 2008	716	1,344	2,482	2,635	5,507	1,826	14,510

Susutnilai terkumpul

Pada 1 April 2007	606	966	2,018	2,439	4,029	393	10,451
Caj bagi tahun (Nota 8)	45	118	216	104	645	247	1,375
Pelupusan	–	–	(10)	–	(183)	–	(193)
Hapuskira	(1)	(14)	(104)	(32)	–	–	(151)
Pada 31 Mac 2008	650	1,070	2,120	2,511	4,491	640	11,482

Amaun dibawa bersih	66	274	362	124	1,016	1,186	3,028
----------------------------	----	-----	-----	-----	-------	-------	-------

Semua loji dan peralatan sebuah syarikat subsidiari dengan amaun dibawa bersih sebanyak RM2,976,000 (2008: RM3,008,000) telah dicagarkan untuk kemudahan pembiayaan seperti yang dinyatakan dalam Nota 26.

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

– 31 Mac 2009

13. Loji dan Peralatan (samb.)

Syarikat	Perabot dan kelengkapan RM'000	Peralatan pejabat RM'000	Kenderaan bermotor RM'000	Jumlah RM'000
Pada 31 Mac 2009				
Kos				
Pada 1 April 2008	95	188	161	444
Pelupusan	–	–	(128)	(128)
Hapuskira	(2)	(10)	–	(12)
Pada 31 Mac 2009	93	178	33	304
Susutnilai terkumpul				
Pada 1 April 2008	94	169	161	424
Caj bagi tahun (Nota 8)	–	7	–	7
Pelupusan	–	–	(128)	(128)
Hapuskira	(2)	(10)	–	(12)
Pada 31 Mac 2009	92	166	33	291
Amaun dibawa bersih	1	12	–	13
Pada 31 Mac 2008				
Kos				
Pada 1 April 2007	95	235	232	562
Tambahan	–	1	–	1
Pelupusan	–	(4)	(71)	(75)
Hapuskira	–	(44)	–	(44)
Pada 31 Mac 2008	95	188	161	444
Susutnilai terkumpul				
Pada 1 April 2007	94	210	232	536
Caj bagi tahun (Nota 8)	–	7	–	7
Pelupusan	–	(4)	(71)	(75)
Hapuskira	–	(44)	–	(44)
Pada 31 Mac 2008	94	169	161	424
Amaun dibawa bersih	1	19	–	20

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

– 31 Mac 2009

14. Aset Tidak Ketara

	Kumpulan	
	2009 RM'000	2008 RM'000
Kos		
Pada awal tahun	1,371	1,310
Tambahan	32	61
Pada akhir tahun	1,403	1,371
Pelunasan terkumpul		
Pada awal tahun	933	776
Pelunasan bagi tahun (Nota 8)	101	157
Pada akhir tahun	1,034	933
Amaun dibawa bersih	369	438

Semua aset tidak ketara sebuah syarikat subsidiari telah dicagarkan bagi kemudahan pembiayaan seperti yang dinyatakan dalam Nota 26.

15. Pelaburan dalam Syarikat-syarikat Subsidiari

	Syarikat	
	2009 RM'000	2008 RM'000
Saham tidak disebut harga, pada kos	50,004	50,004
Tolak: Kerugian kemerosotan nilai	(3)	(3)
	50,001	50,001
Stok Pinjaman Tidak Bercagar Boleh Tebus ("RULS")	–	324,100

RULS dikenakan faedah terkumpul pada 12.5% (2008: 12.5%) setahun yang tidak mempunyai tempoh bayaran balik yang tetap dan boleh dibayar semula pada bila-bila masa mengikut pilihan sebuah syarikat subsidiari, tertakluk kepada syarikat subsidiari berkenaan memenuhi Nisbah Liputan Hutang Boleh Tanggung sekurang-kurangnya pada kadar dua bagi tempoh dua belas bulan sebelum cadangan bayaran balik.

Pada 15 April 2008, RULS telah ditebus sepenuhnya pada tara.

Butir-butir mengenai syarikat-syarikat subsidiari yang kesemuanya diperbadankan di Malaysia dengan akhir tahun kewangan yang serentak dengan Kumpulan adalah seperti berikut:

Nama Syarikat-syarikat Subsidiari	Aktiviti-aktiviti Utama	Bahagian Kepentingan Pemilikan	
		2009 %	2008 %
Lingkar Trans Kota Sdn Bhd	Konsesi lebuhraya bertol	100	100
Penyenggaraan Litrak Sdn Bhd	Penyenggaraan lebuhraya	100	100
Sukma Sinaran Sdn Bhd	Pegangan pelaburan	100	100
Midawasa Sdn Bhd	Pegangan pelaburan	100	100
Litrak Sdn Bhd	Tidak aktif	100	100
Semarak Zaman Sdn Bhd	Tidak aktif	100	100

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

– 31 Mac 2009

16. Pelaburan dalam Entiti-entiti yang Dikawal Bersama

	Kumpulan		Syarikat	
	2009 RM'000	2008 RM'000	2009 RM'000	2008 RM'000
Saham tidak disebut harga, pada kos				
– saham-saham biasa	3,372	3,372	3,372	3,372
– saham-saham keutamaan	377,056	352,056	377,056	352,056
Bahagian daripada rizab selepas pengambilalihan	(97,951)	(81,164)	–	–
	282,477	274,264	380,428	355,428

Butir-butir mengenai entiti-entiti yang dikawal bersama yang diperbadankan di Malaysia yang mempunyai akhir tahun kewangan serentak dengan Kumpulan adalah seperti berikut:

Nama Entiti-entiti yang Dikawal Bersama	Aktiviti-aktiviti Utama	Bahagian Kepentingan Pemilikan Berkesan	
		2009 %	2008 %
Sistem Penyuraian Trafik KL Barat Holdings Sdn Bhd ("SPRINT")	Pegangan pelaburan dan penyediaan khidmat pengurusan	50	50
Syarikat subsidiari SPRINT:			
Sistem Penyuraian Trafik KL Barat Sdn Bhd	Merekabentuk, membina, penyenggaraan, mengendali dan mengurus lebuhraya tol terbuka dikenali sebagai Skim Penyuraian Trafik Kuala Lumpur Barat	50	50

Bahagian agregat Kumpulan daripada aset semasa, aset bukan semasa, liabiliti semasa, liabiliti bukan semasa, pendapatan dan perbelanjaan entiti-entiti yang dikawal bersama adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	2009 RM'000	2008 RM'000
Aset		
Aset semasa	56,197	38,320
Aset bukan semasa	1,016,015	1,021,317
Jumlah aset	1,072,212	1,059,637
Liabiliti		
Liabiliti semasa	(122,027)	(112,392)
Liabiliti bukan semasa	(667,708)	(672,981)
Jumlah liabiliti	(789,735)	(785,373)
Keputusan		
Hasil	57,760	47,193
Perbelanjaan, meliputi kos pembiayaan dan cukai	(74,547)	(69,082)

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

– 31 Mac 2009

17. Pelaburan dalam Sebuah Syarikat Bersekutu

	Kumpulan		Syarikat	
	2009 RM'000	2008 RM'000	2009 RM'000	2008 RM'000
Saham tidak disebut harga, pada kos	200	200	200	200
Bahagian daripada rizab selepas pengambilalihan	(66)	(67)	–	–
	134	133	200	200

Butir-butir mengenai syarikat bersekutu yang diperbadankan di Malaysia yang mempunyai akhir tahun kewangan yang serentak dengan Kumpulan adalah seperti berikut:

Nama Syarikat Bersekutu	Aktiviti-aktiviti Utama	Bahagian Kepentingan Pemilikan Berkesan	
		2009 %	2008 %
Dipegang oleh Syarikat:			
ETC Links Sdn Bhd	Penyewaan perisian dan peralatan berkaitan	50	50

Ringkasan maklumat kewangan syarikat bersekutu adalah seperti berikut:

	2009 RM'000	2008 RM'000
Aset		
Aset semasa dan jumlah aset	409	405
Liabiliti		
Liabiliti semasa dan jumlah liabiliti	(7)	(6)
Hasil		
Keuntungan bagi tahun	4	8

18. Penerimaan Lain

	Kumpulan		Syarikat	
	2009 RM'000	2008 RM'000	2009 RM'000	2008 RM'000
Deposit dan prabayar	3,615	7,648	141	146
Lain-lain	789	1,923	23	105
	4,404	9,571	164	251

Kumpulan tidak mempunyai tumpuan risiko kredit ketara yang mungkin timbul daripada pendedahan kepada seorang penghutang atau sekumpulan penghutang.

19. Hutang Daripada/(Kepada) Syarikat-syarikat Subsidiari dan Sebuah Entiti yang Dikawal Bersama

Hutang daripada/(kepada) syarikat-syarikat subsidiari dan entiti yang dikawal bersama adalah tanpa faedah dan perlu dibayar balik atas permintaan. Amaun-amaun tersebut adalah tidak bercagar dan akan dijelaskan secara tunai kecuali bagi jumlah RM150 juta (2008: RM150 juta) yang dihutang kepada sebuah syarikat subsidiari, yang perlu dibayar sepenuhnya pada akhir tahun ke sepuluh (10) dari tarikh perjanjian pinjaman antara syarikat dan syarikat subsidiari berkenaan bertarikh 24 November 2005.

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

– 31 Mac 2009

20. Tunai dan Baki Bank

	Kumpulan		Syarikat	
	2009 RM'000	2008 RM'000	2009 RM'000	2008 RM'000
Bank berlesen	140,649	64,698	14,371	6,224
Bank pelaburan	196,522	149,039	4,314	50,769
Institusi kewangan lain	38,570	14,749	10,516	–
Deposit dengan institusi kewangan berlesen	375,741	228,486	29,201	56,993
Tunai di tangan dan di bank	2,257	1,922	156	135
Tunai dan baki bank	377,998	230,408	29,357	57,128
Tolak: Deposit sekuriti ditempatkan sebagai kolateral (Nota 26(g))	(2,500)	(2,500)	–	–
Tunai dan setara tunai	375,498	227,908	29,357	57,128

Deposit di institusi kewangan berlesen milik sebuah syarikat subsidiari meliputi jumlah sebanyak RM2.5 juta (2008: RM2.5 juta) yang merupakan deposit cagaran diletakkan sebagai sandaran bagi pembayaran kupon Bon Bersiri Kadar Tetap Berjaminan Bank seperti yang dinyatakan dalam Nota 26(g). Penggunaan deposit institusi kewangan berlesen tersebut oleh sebuah syarikat subsidiari termasuk yang dipegang di bawah Akaun Rizab Pembayaran Hutang adalah tertakluk kepada perjanjian dan had tertentu menurut keperluan seperti yang dinyatakan dalam Nota 26.

Kadar faedah efektif purata berwajaran pada akhir tahun kewangan dan purata kematangan deposit pada tarikh lembaran imbangan adalah seperti berikut:

	Kadar faedah efektif purata berwajaran			
	Kumpulan		Syarikat	
	2009 %	2008 %	2009 %	2008 %
Bank berlesen	2.11	3.30	2.03	3.37
Bank pelaburan	2.14	3.42	2.16	3.47
Institusi kewangan lain	2.13	3.50	2.08	–

	Kematangan purata			
	Kumpulan		Syarikat	
	2009 Hari	2008 Hari	2009 Hari	2008 Hari
Bank berlesen	21	17	19	25
Bank pelaburan	21	21	18	27
Institusi kewangan lain	31	91	34	–

21. Modal Saham

	Bilangan saham biasa		Jumlah	
	2009 '000	2008 '000	2009 RM'000	2008 RM'000
Dibenarkan:				
Pada awal tahun	1,000,000	1,000,000	1,000,000	1,000,000
Kesan bayaran balik modal	–	–	(800,000)	–
Pada akhir tahun	1,000,000	1,000,000	200,000	1,000,000
Diterbit dan berbayar penuh:				
Pada awal tahun	492,101	488,807	492,101	488,807
Saham-saham biasa diterbit pada tahun menurut ESOS	4,901	3,294	2,793	3,294
Bayaran balik modal	–	–	(395,494)	–
Pada akhir tahun	497,002	492,101	99,400	492,101

21. Modal Saham (samb.)

Pada 13 Ogos 2008, Syarikat telah menyelesaikan pelaksanaan bayaran balik modal dan oleh itu, nilai tara bagi setiap saham biasa Syarikat telah dikurangkan daripada RM1.00 kepada RM0.20 sesaham.

Pada tahun kewangan ini, modal saham biasa diterbitkan dan berbayar Syarikat telah dikurangkan daripada RM492,100,618 kepada RM99,400,324 berikutan penerbitan 2,266,000 saham-saham biasa baru berharga RM1.00 sesaham, bayaran balik modal berjumlah RM395,493,294 dan penerbitan 2,635,000 saham-saham biasa baru berharga RM0.20 sesaham. Saham-saham biasa tersebut diterbitkan untuk tunai menurut Skim Opsyen Saham Pekerja pada harga-harga terbitan antara RM1.34 hingga RM3.34. Saham-saham biasa baru yang diterbitkan ini bertaraf pari passu dalam semua aspek dengan saham-saham biasa Syarikat yang sedia ada.

Selepas tahun kewangan ini, modal saham biasa diterbitkan dan berbayar Syarikat telah bertambah daripada RM99,400,324 kepada RM99,537,724 melalui penerbitan sebanyak 687,000 saham-saham biasa baru berharga RM0.20 sesaham untuk tunai menurut pelaksanaan ESOS pada harga-harga terbitan antara RM1.34 hingga RM1.65. Saham-saham biasa baru yang diterbitkan ini bertaraf pari passu dalam semua aspek dengan saham-saham biasa Syarikat yang sedia ada.

22. Rizab Lain

	Kumpulan		Syarikat	
	2009 RM'000	2008 RM'000	2009 RM'000	2008 RM'000
Rizab Opsyen Saham				
Pada awal tahun	1,636	1,542	1,636	1,542
Opsyen-opsyen saham yang diberikan di bawah ESOS	1,117	1,070	1,117	1,070
Opsyen-opsyen saham dilaksanakan	(1,845)	(976)	(1,845)	(976)
Pada akhir tahun	908	1,636	908	1,636

Rizab opsyen saham merupakan opsyen saham berpenjelasan ekuiti yang diberi kepada pekerja-pekerja dan pengarah-pengarah yang layak. Rizab ini menggambarkan nilai terkumpul perkhidmatan yang diterima daripada pekerja-pekerja dan pengarah-pengarah yang dicatatkan semasa pemberian opsyen-opsyen saham dan tidak boleh diagihkan.

(a) Skim Opsyen Saham Pekerja ("ESOS") Syarikat

Pada Mesyuarat Agung Luar Biasa yang diadakan pada 21 Ogos 2003, para pemegang saham Syarikat telah meluluskan pelaksanaan satu ESOS baru yang telah berkuatkuasa pada 9 Oktober 2003 untuk tempoh selama 5 tahun berakhir pada 8 Oktober 2008.

Pada Mesyuarat Agung Luar Biasa yang diadakan pada 28 Ogos 2006, para pemegang saham Syarikat telah meluluskan pemberian opsyen-opsyen kepada semua pengarah bukan eksekutif Syarikat yang sedia ada sebagaimana yang telah diluluskan oleh pemegang-pemegang saham pada Mesyuarat Agung Luar Biasa tersebut, untuk melanggan sehingga 100,000 opsyen setiap seorang bagi saham-saham biasa baru Syarikat berharga RM1.00 sesaham untuk diperumpukkan kepada mereka di bawah ESOS yang dilaksanakan pada 9 Oktober 2003 dengan syarat bahawa:

- (i) tidak melebihi 50% daripada saham-saham biasa berharga RM1.00 sesaham dalam Syarikat yang tersedia di bawah ESOS akan diperuntuk, mengikut agregat, kepada para pengarah dan pengurusan kanan Syarikat dan syarikat-syarikat subsidiari yang aktif; dan
- (ii) tidak melebihi 10% daripada saham-saham biasa berharga RM1.00 sesaham dalam Syarikat yang tersedia di bawah ESOS akan diperuntuk kepada beliau, jika beliau, sama ada beliau sendiri atau secara kolektif melalui individu yang berkaitan dengan beliau, memiliki 20% atau lebih daripada modal diterbitkan dan berbayar Syarikat.

Pada 14 Ogos 2008, menurut Undang-undang Kecil 19.2 dalam Undang-undang Kecil ESOS (Nota 22(b) (iii)), Jawatankuasa ESOS telah melanjutkan skim sedia ada selama 5 tahun lagi yang akan tamat tempoh pada 8 Oktober 2013.

Pada tahun kewangan, opsyen untuk melanggan 3,359,000 saham-saham biasa baru berharga RM0.20 sesaham telah diberi kepada pekerja dan seorang pengarah yang layak menurut ESOS.

22. Rizab Lain (samb.)

(b) Ciri-ciri Utama ESOS

- (i) Pihak yang layak adalah pekerja sepenuh masa (termasuk pekerja asing dan pekerja kontrak dengan tempoh kontrak minimum selama tiga tahun perkhidmatan) yang terdapat dalam senarai bayaran gaji oleh mana-mana syarikat dalam Kumpulan, Pengarah Eksekutif sepenuh masa (termasuk Pengarah Eksekutif warganegara asing) dan Pengarah Bukan Eksekutif seperti yang diluluskan oleh para pemegang saham di Mesyuarat Agung Luar Biasa yang diadakan pada 28 Ogos 2006, yang telah berkhidmat dengan Kumpulan untuk sekurang-kurangnya satu tahun pada tarikh tawaran. Pemilihan pekerja yang layak untuk menyertai ESOS adalah tertakluk kepada budi bicara mutlak Jawatankuasa ESOS.
- (ii) Jumlah saham yang akan ditawarkan di bawah ESOS tidak boleh melebihi 10% daripada modal saham diterbitkan dan berbayar penuh Syarikat pada setiap masa semasa kewujudan ESOS.
- (iii) ESOS akan berkuatkuasa untuk tempoh selama 5 tahun bermula dari 9 Oktober 2003 tertakluk kepada sebarang pelanjutan atau pembaharuan untuk tempoh selanjutnya yang tidak melebihi 5 tahun bermula dari sehari selepas tamatnya tempoh 5 tahun yang asal, yang boleh diluluskan oleh Jawatankuasa ESOS.
- (iv) Opsyen-opssyen yang diberi di bawah ESOS tidak boleh ditukar milik.
- (v) Harga langganan di bawah ESOS adalah pada purata berwajaran harga pasaran saham seperti yang ditunjukkan dalam Senarai Rasmi Harian yang dikeluarkan oleh Bursa Malaysia Securities Berhad, untuk 5 hari pasaran serta-merta sebelum tarikh tawaran opsyen yang tertakluk kepada diskaun tidak lebih daripada sepuluh peratus (10%), atas budi bicara Jawatankuasa ESOS, atau pada nilai tara saham, yang mana lebih tinggi.
- (vi) Bilangan agregat saham yang akan ditawarkan kepada pekerja dan pengarah yang layak menurut ESOS ditentukan berdasarkan budi bicara Jawatankuasa ESOS selepas mengambilkira, antara lain, faktor-faktor seperti jawatan, prestasi, senioriti dan tempoh perkhidmatan yang telah diberi oleh para pekerja dan pengarah yang layak, tertakluk kepada perumpukan saham maksimum yang dibenarkan bagi setiap pekerja dan pengarah yang layak.
- (vii) Saham-saham biasa baru yang diperumpukkan berikutan sebarang pelaksanaan opsyen akan bertaraf pari passu dalam semua aspek dengan saham-saham biasa sedia ada Syarikat yang diterbitkan dan berbayar (kecuali saham-saham baru yang diterbitkan itu tidak akan layak untuk menerima sebarang dividen, hak, perumpukan dan sebarang pengagihan lain yang diumumkan, dibuat atau dibayar kepada para pemegang saham jika tarikh pelaksanaan opsyen tersebut jatuh selepas tarikh tutup perniagaan bagi menentukan hak-hak di atas).

(c) Butir-butir Opsyen Saham yang Tertunggak pada Akhir Tahun

Jadual berikut menggambarkan bilangan dan harga pelaksanaan, dan pergerakan dalam opsyen saham-saham biasa berharga RM0.20 sesaham Syarikat pada tahun ini:

31 Mac 2009

Bilangan Opsyen Saham Ke Atas Saham-saham Biasa Berharga RM0.20 Sesaham Syarikat

Tarikh Diberi	Tarikh Luput	Harga Diberi (RM)	Tertunggak pada 1 April 2008	Pergerakan pada Tahun		Tertunggak pada 31 Mac 2009	Boleh dilaksanakan pada 31 Mac 2009		
				← Diberi	→ Dilaksana / Terbatal / Luput				
28 Nov 03	08 Okt 13	2.20	'000 334	'000 –	'000 (273)	'000 –	'000 –		
		1.65*			(3)		58		
18 Ogos 04	08 Okt 13	1.91	91	–	(2)	–	–		
		1.43*			(54)	(3)	–		
07 Apr 05	08 Okt 13	1.79	1,147	–	(1,082)	–	–		
		1.34*			(33)	–	–		
12 Sep 05	08 Okt 13	1.90	1,396	–	(132)	–	–		
		1.42*			(773)	(85)	–		
19 Apr 06	08 Okt 13	2.32	563	–	(517)	–	–		
		1.74*			–	(4)	–		
30 Okt 06	08 Okt 13	2.48	171	–	(47)	–	–		
		1.86*			–	–	–		
19 Mac 07	08 Okt 13	2.47	183	–	(173)	–	–		
		1.85*			–	–	–		
18 Sep 07	08 Okt 13	3.34	272	–	(1)	–	–		
		2.50*			–	(24)	–		
18 Mac 08	08 Okt 13	3.16	231	–	(39)	–	–		
		2.37*			–	(22)	–		
18 Sep 08	08 Okt 13	1.46	–	184	(63)	(14)	–		
31 Okt 08	08 Okt 13	1.46	–	3,175	(1,709)	(40)	–		
			4,388	3,359	(4,901)	(192)	–	2,654	
								2,654	
Purata berwajaran harga pelaksanaan (RM)			2.15	1.46	1.73	1.68	–	1.64	1.64

* Harga pelaksanaan disemak semula berkuatkuasa 5 Ogos 2008 (sebelum tarikh)

22. Rizab Lain (samb.)

(c) Butir-butir Opsyen Saham yang Tertunggak pada Akhir Tahun (samb.)

Pada tahun ini, nilai tara bagi setiap saham biasa Syarikat telah dikurangkan daripada RM1.00 sesaham kepada RM0.20 sesaham seperti didedahkan dalam Nota 21.

31 Mac 2008

Bilangan Opsyen Saham Ke Atas Saham-saham Biasa Berharga RM1.00 Sesaham Syarikat

Tarikh Diberi	Tarikh Luput	Harga Diberi (RM)	Tertunggak pada 1 April 2007	Pergerakan pada Tahun				Tertunggak pada 31 Mac 2008	Boleh dilaksanakan pada 31 Mac 2008
				Diberi	Dilaksana	Terbatal	Luput		
			'000	'000	'000	'000	'000	'000	'000
28 Nov 03	08 Okt 08	2.20	1,519	–	(1,146)	(39)	–	334	334
18 Ogos 04	08 Okt 08	1.91	243	–	(95)	(57)	–	91	1
07 Apr 05	08 Okt 08	1.79	1,575	–	(356)	(72)	–	1,147	72
12 Sep 05	08 Okt 08	1.90	2,280	–	(652)	(232)	–	1,396	155
19 Apr 06	08 Okt 08	2.32	802	–	(208)	(31)	–	563	11
30 Okt 06	08 Okt 08	2.48	942	–	(747)	(24)	–	171	171
19 Mac 07	08 Okt 08	2.47	264	–	(61)	(20)	–	183	183
18 Sep 07	08 Okt 08	3.34	–	325	(29)	(24)	–	272	36
18 Mac 08	08 Okt 08	3.16	–	231	–	–	–	231	231
			7,625	556	(3,294)	(499)	–	4,388	1,194
Purata berwajaran harga pelaksanaan (RM)			2.07	3.27	2.17	2.05	–	2.15	2.44

Opsyen-opsyen yang tertunggak pada akhir tahun kewangan mempunyai baki hayat berkontrak selama 4.5 tahun (2008: 0.5 tahun).

(d) Opsyen-opsyen Saham yang Dilaksanakan pada Tahun Kewangan Ini

Opsyen-opsyen yang dilaksanakan pada tahun kewangan ini menghasilkan penerbitan sebanyak 2,266,000 (2008: 3,294,000) saham-saham biasa berharga RM1.00 sesaham dan 2,635,000 saham-saham biasa berharga RM0.20 sesaham Syarikat pada harga purata berwajaran RM1.73 (2008: RM2.17) sesaham. Harga saham purata berwajaran pada tarikh pelaksanaan adalah RM2.69 (2008: RM3.82).

(e) Nilai Saksama Opsyen-opsyen Saham yang Diberi pada Tahun Ini

Nilai saksama opsyen-opsyen saham yang diberi pada tahun ini dianggarkan oleh penilai luar menggunakan model binomial, dengan mengambilkira terma dan syarat semasa opsyen-opsyen diberi. Nilai saksama opsyen-opsyen saham dikira pada tarikh pemberian dan andaiannya adalah seperti berikut:

	2009	2008
Nilai saksama opsyen-opsyen saham pada tarikh diberi adalah seperti berikut (RM):		
31.10.08	0.27 – 0.28	–
18.09.08	0.25	–
18.03.08	–	0.47
18.09.07	–	0.52
Harga saham (RM)	1.60 – 1.64	3.54 – 3.68
Harga pelaksanaan (RM)	1.46	3.16 – 3.34
Volatiliti jangkaan (%)	25.00	24.00
Hayat jangkaan (tahun)	4.50 – 4.60	0.83
Kadar bebas risiko (%)	3.80 – 3.92	3.31 – 3.52
Hasil dividen jangkaan (%)	6.00	3.00

Hayat jangkaan opsyen-opsyen adalah berdasarkan maklumat lepas dan tidak semestinya menjadi petunjuk pola pelaksanaan yang mungkin berlaku. Jangkaan volatiliti menggambarkan andaian kadar turun naik maklumat lepas yang merupakan petunjuk aliran masa depan, yang juga tidak semestinya merupakan akibat sebenar. Tidak ada ciri-ciri opsyen yang diberi digabungkan ke dalam pengiraan nilai saksama.

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

– 31 Mac 2009

23. Keuntungan Terkumpul

Syarikat telah memilih opsyen tidak boleh tarik balik di bawah Akta Kewangan 2007 untuk mengabaikan baki Seksyen 108 pada 31 Disember 2007. Oleh itu, Syarikat akan dapat mengagihkan dividen bagi keseluruhan keuntungan terkumpulnya pada 31 Mac 2009 dan 2008 di bawah sistem satu peringkat.

24. Hasil Tertunda

	Kumpulan	
	2009	2008
	RM'000	RM'000
Yuran lesen diterima	47,900	47,900
Hasil tertunda diiktiraf sehingga kini	(16,010)	(14,448)
Baki belum diiktiraf	31,890	33,452
Yuran lesen diiktiraf sebagai hasil pada tahun	1,562	1,562
Pampasan Kerajaan diterima	150,000	150,000
Hasil tertunda diiktiraf sehingga kini	(79,057)	(43,173)
Baki belum diiktiraf	70,943	106,827
Pampasan Kerajaan diiktiraf sebagai hasil pada tahun	35,884	34,945
Jumlah hasil tertunda diiktiraf pada tahun (Nota 8)	37,446	36,507
Jumlah baki hasil tertunda belum diiktiraf	102,833	140,279

Pampasan Kerajaan yang diterima dan diiktiraf dalam penyata kewangan bagi sebuah syarikat subsidiari adalah menurut pengaturannya seperti diterangkan dalam Nota 34.

25. Liabiliti Cukai Tertunda

	Kumpulan	
	2009	2008
	RM'000	RM'000
Pada awal tahun	151,326	126,434
Diiktiraf dalam penyata pendapatan (Nota 9)	38,197	24,892
Pada akhir tahun	189,523	151,326
Dibentangkan selepas imbalan sewajarnya seperti berikut:		
Liabiliti cukai tertunda	231,362	212,388
Aset cukai tertunda	(41,839)	(61,062)
	189,523	151,326

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

– 31 Mac 2009

25. Liabiliti Cukai Tertunda (samb.)

Komponen-komponen dan pergerakan liabiliti serta aset cukai tertunda pada tahun kewangan sebelum imbalan adalah seperti berikut:

Kumpulan	Liabiliti Cukai Tertunda				Aset Cukai Tertunda				Liabiliti cukai tertunda bersih RM'000	
	Loji dan peralatan RM'000	Perbelanjaan pembangunan lebuhraya RM'000	Perbelanjaan baikpulih besar RM'000	Jumlah RM'000	Hasil tertunda RM'000	Kerugian perniagaan belum diguna RM'000	Elaun modal tidak terserap RM'000	Pembayaran lain RM'000		
Pada 1 April 2008	467	205,969	5,952	212,388	(8,363)	(7,687)	(44,824)	(188)	(61,062)	151,326
Diihtiraf dalam penyata pendapatan	(114)	14,939	4,149	18,974	391	(1)	18,939	(106)	19,223	38,197
Pada 31 Mac 2009	353	220,908	10,101	231,362	(7,972)	(7,688)	(25,885)	(294)	(41,839)	189,523
Pada 1 April 2007	515	200,791	1,763	203,069	(9,104)	(7,995)	(59,329)	(207)	(76,635)	126,434
Diihtiraf dalam penyata pendapatan	(48)	5,178	4,189	9,319	741	308	14,505	19	15,573	24,892
Pada 31 Mac 2008	467	205,969	5,952	212,388	(8,363)	(7,687)	(44,824)	(188)	(61,062)	151,326
